

PARLIMEN KESEMBILAN
Ninth Parliament
PENGKAL KEEMPAT
Fourth Session
MESYUARAT PERTAMA
First Meeting

Jilid IV
1998

Bil. 4

Hari Isnin

18 Mei

K A N D U N G A N

MENGANGKAT SUMPAH:

- **Y.B. Tuan Khoo Lay Hin**

(Ruangan)

PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA:

- **Mengalu-alukan Ahli Baru**

(Ruangan)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

(Ruangan)

USUL:

- **Ucapan Terima Kasih Kepada Seri Paduka Baginda
Yang di -Pertuan Agong**

- *Y.B. Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin*

(Ruangan)

Mei 1998

**PARLIMEN KESEMBILAN
PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN NEGARA
Mesyuarat Pertama
Penggal Keempat
AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Haji Mohamed bin Ya'acob, P.S.M.,
P.M.K., S.P.M.K., Dato' Bentara Kanan, S.M.T., P.G.D.K., D.A.

(Dilantik)

- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Chong Kah Kiat, P.G.D.K.,
J.S.M., J.P. (Dilantik)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Michael Chen Wing Sum (Dilantik)
- “ Tuan Abdillah bin Abdul Rahim (Sarawak)
- “ Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman (Dilantik)
- “ Datuk Haji Abdul Majid bin Haji Baba, P.B.M., B.K.T., J.P. (Melaka)
- “ Tuan Haji Abdul Wahid bin Varthan Syed Ghany (Dilantik)
- “ Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail, A.M.P. (Perlis)
- “ Dato' Haji Ahmad bin Ismail (Pulau Pinang)
- “ Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad, A.M.N., A.M.K., B.K.M. (Kedah)
- “ Datuk Michael Bong Thiam Joon, P.J.N., A.B.S., J.B.S. (Dilantik)
- “ Dato' Charern Intachat, D.S.D.K., A.M.N., B.C.K. (Dilantik)
- “ Dato' Chet Singh s/o Karam Singh (Pulau Pinang)
- “ Tuan Chin Kon Tow @ Chin Kong Too, A.M.N., B.K.T., J.P. (Melaka)
- “ Puan Faridah binti Abu Hassan (Dilantik)
- “ Dato' Eng Hoi Choo, A.M.S., P.P.T. (Dilantik - Wilayah Persekutuan)
- “ Tuan Haji Gapar bin Gurrohu (Dilantik)

- “ Dato’ Ghazi @ Hasbullah bin Haji Ramli, D.I.M.P. (Selangor)
- “ Puan Hajah Habshah binti Haji Osman, P.P.T., P.J.K. (Dilantik - Wilayah Persekutuan)
- “ Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain (Dilantik)

Yang Berhormat Tuan Hanipah bin Ahmad, P.J.K. (Perlis)

- “ Datuk Haji Hashim bin Safin @ Shafin, D.M.S.M. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor (Kelantan)
- “ Datuk Haji Ibrahim bin Ali, D.M.S.M. (Dilantik)
- “ Tuan Ibrahim bin Daud, J.S.M., K.M.N., P.L.P., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Johor)
- “ Puan Jamilah binti Ibrahim (Kelantan)
- “ Tuan Jang Chow Thye @ Yio Chow Thye, A.S.M., S.M.T., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Tuan Janggu Anak Banyang, P.B.K. (Sarawak)
- “ Tuan Jiuin bin Jimin (Sabah)
- “ Puan Kamilia binti Ibrahim (Dilantik)
- “ Datuk Haji Kasim bin Mh. Yusop (Dilantik)
- “ Puan Hajah Khadijah binti Haji Awang (Terengganu)
- “ Datuk Khoo Keok Hai (Dilantik)
- “ Tuan Khoo Lay Hin (Dilantik)
- “ Dato’ P. Krishnan a/l Permual (Dilantik)
- “ Tuan Long bin Jidin (Dilantik)
- “ Tuan N. Marimuthu a/l Nadeson, A.M.P., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Dato’ Dr. T. Marimuthu (Dilantik)

- “ Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Dilantik)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin, D.S.A.P. (Dilantik)
- “ Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawī, A.M.P., P.P.N., P.J.K. (Perak)
- “ Datuk Norjan binti Khan Bahadar (Dilantik)
- “ Tuan M.G. Pandithan @ Nyana Pandithan @ Ganapandythan a/l Muthandi (Dilantik)
- “ Tuan S. Parasuraman a/l Sanasamy @ Sinnasamy (Kedah)

Yang Berhormat Puan Hajah Rahaiah binti Baheran, P.J.K. (Dilantik)

- “ Puan Hajah Ramlah binti Kassim (Pahang)
- “ Tuan Rosli bin Mat Hassan (Dilantik)
- “ Dato’ Saad bin Haji Man, D.S.D.K. (Dilantik)
- “ Datuk Haji Sairin bin Karno (Sabah)
- “ Tuan Haji Salleh @ Hassan bin Ali, P.J.K. (Terengganu)
- “ Puan Sri Sarasa Pasamanickam, A.M.N., P.I.S. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Selemiah binti Hashim, P.P.N., A.M.N., P.K.T. (Dilantik)
- “ Puan Tan Ah Eng (Johor)
- “ Tuan Tan Ek Huat (Perak)
- “ Tuan Tan Swee Hueng (Dilantik)
- “ Dato’ V.K.K. Teagarajan, D.P.M.S., A.M.N. (Dilantik)
- “ Tuan Tee Thiong Hock, S.S.A., A.M.N., P.J.K. (Selangor)
- “ Dato’ Ting Check Sii, D.I.M.P. (Dilantik)
- “ Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin, P.J.K., A.M.S. (Dilantik)
- “ To’ Puan Wan Seri @ Wan Asiah binti Ahmad (Dilantik)
- “ Datuk Yee Lung Fook Geoffrey (Dilantik)

- “ Dr. Yeow Seng Huat (Pahang)
- “ Tuan Yim Chee Chong @ Yim Kok Kheong (Negeri Sembilan)
- “ Dato’ Zainol Abidin bin Johari, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Datuk Zainudin bin Maidin (Dilantik)
- “ Tuan Zakaria bin Arshad (Negeri Sembilan)

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara/
Timbalan Setiausaha Bagi Parlimen: Abdullah bin Abdul Wahab

Pemangku Ketua Penolong Setiausaha: Zamani bin Haji Sulaiman
Haji Mustakin bin Salamat

Penolong Setiausaha: Nor Hayatee binti Abdullah
Haji Mustafa bin Abdul Rahman
Ruhana binti Abdullah

CAWANGAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Pegawai Penerbitan: Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan

Pelapor Perbahasan Parlimen: Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop,
P.P.N.
Hajah Supiah binti Dewak
Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop

PELAPOR PERBAHASAN PARLIMEN

Mohamed bin Osman
Norishah binti Mohd. Thani
Shamsina binti Janor

BENTARA MESYUARAT

Lt. Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib
Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
Mejar (B) Zakaria bin Salleh

MALAYSIA**DEWAN NEGARA****Isnin, 18 Mei 1998****Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang****DOA**[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

MENGANGKAT SUMPAAH

Ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat Sumpah:

– Y.B. Tuan Khoo Lay Hin.

PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA**MENGALU-ALUKAN AHLI BARU**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan selamat datang dan tahniah kepada Ahli Yang Berhormat yang baru mengangkat Sumpah sebentar tadi. Saya berharap ahli yang baru dilantik semula itu dapat memberi sumbangan beliau yang berguna dan berfaedah kepada Dewan ini dan kepada negara seterusnya dan semoga beliau dapat berkhidmat dengan cemerlangnya.

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**BADAN KHAS MENGATASI KEBAKARAN****HUTAN - PEMBENTUKAN**

1. **Datuk Haji Kasim bin Mh. Yusop** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan adakah telah dibentuk satu badan khas untuk mengatasi kebakaran hutan dan menangani kesan kebakaran yang amat merugikan itu dan apakah bentuk kerjasama yang telah diberi oleh negara-negara luar untuk menangani kebakaran hutan tropika khususnya di rantau ASEAN.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Datuk Law Hieng Ding]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan Yang Berhormat Datuk Haji Kasim bin Mh. Yusop bersama-sama dengan tujuh soalan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain memandangkan terdapat persamaan di antara soalan-soalan tersebut.

Perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tersebut adalah menyentuh isu-isu mengenai jerebu seperti berikut:

- (i) badan khas untuk mengatasi kebakaran hutan dan menangani kesan kebakaran;

- (ii) indeks jerebu;
- (iii) langkah-langkah mencegah jerebu;
- (iv) kerjasama ASEAN bagi mengatasi masalah jerebu;
- (v) strategi ASEAN bagi menghalang jerebu daripada menjejaskan kemeriahan Sukan Komanwel;
- (vi) operasi pembenihan awan;
- (vii) keadaan jerebu di Sabah dan Sarawak;
- (viii) statistik pesalah yang melakukan pembakaran terbuka;
- (ix) MoU di antara Indonesia dan Malaysia bagi menangani masalah jerebu; dan
- (x) undang-undang dan peraturan bagi mengawal pembakaran terbuka.

Soalan-soalan tersebut dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat seperti berikut:

- 18 Mei 1998 - Yang Berhormat Tuan Jang Chow Thye.
- 20 Mei 1998 - Yang Berhormat Datuk Michael Bong Thiam Joon.
- 21 Mei 1998 - Yang Berhormat Puan Hajah Habshah binti Haji Osman dan Datuk Haji Sairin bin Karno.
- 27 Mei 1998 - Yang Berhormat Tuan Janggu Anak Banyang.
- 28 Mei 1998 - Yang Berhormat Dato' Ting Check Sii dan Yang Berhormat Tuan Rosli bin Mat Hassan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat kerajaan telah dan sedang mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk mengatasi masalah kebakaran hutan yang meliputi dua peringkat iaitu peringkat kebangsaan dan peringkat ASEAN. Di antara langkah-langkah yang diambil diperingkat kebangsaan ialah:

- Dengan mewujudkan sistem pengesanan awal kebakaran melalui tinjauan udara.
- Pemerhatian berterusan kedudukan 'hot spots' melalui gambar satelit.
- Melakukan kerja-kerja pemadaman kebakaran.
- Pembenihan awan.
- Pengawasan kualiti udara.

Semua langkah ini adalah diselaraskan oleh Bahagian Keselamatan Negara seperti mana yang diperuntukkan di bawah Arahan 20, Dasar dan Mekanisme Pengurusan dan Bantuan Bencana Negara.

Di peringkat ASEAN pula telah diwujudkan satu Pelan Tindakan Jerebu Serantau yang menggariskan langkah-langkah persediaan untuk menjaga dan menghapuskan punca-punca utama jerebu yang disebabkan kebakaran hutan.

Selain daripada itu satu Memorandum Persefahaman Indonesia/Malaysia telah juga ditandatangani untuk mewujudkan komitmen dan penglibatan yang lebih kukuh antara dua negara dalam

melaksanakan tindakan-tindakan untuk menangani bencana termasuk kebakaran yang merentasi sempadan.

Dalam mesyuarat Menteri-menteri Alam Sekitar ASEAN di Brunei pada 3 dan 4 April 1998, mesyuarat telah bersetuju untuk menubuhkan satu jawatankuasa yang dipanggil "Sub-Regional Fire-Fighting Arrangement", dengan izin, Tuan Yang di-Pertua dengan tujuan untuk menggerakkan segala keperluan yang sedia ada untuk menangani masalah kebakaran hutan di Kalimantan dan Sumatera/Riau, Indonesia. Adalah diharapkan dengan langkah-langkah ini akan dapat mengelakkan kejadian jerebu yang berpunca dari kebakaran hutan daripada berlaku semasa Sukan Komanwel kelak.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai indeks jerebu pula, kerajaan telah dan akan terus mengumumkan Indeks Pencemaran Udara (IPU) bagi kawasan-kawasan di mana terdapat stesen-stesen pengawasan kualiti udara. Pada masa ini terdapat 30 buah stesen pengawasan kualiti udara di seluruh negara termasuk satu di Kota Kinabalu dan satu di Sipitang, Sabah. Pengumuman dibuat kepada orang ramai melalui akhbar-akhbar tempatan bagi bacaan pada pukul 11.00 pagi setiap hari. Berdasarkan bacaan IPU di Sabah dan Sarawak bagi tempoh 25 April 1998 hingga 4 Mei 1998 menunjukkan ianya berada pada tahap memuaskan dengan bacaan di antara 16 hingga 97. Keadaan ini tidak membahayakan kesihatan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha mengurangkan kesan jerebu, kementerian ini dengan kerjasama Tentera Udara Diraja Malaysia telah menjalankan operasi pembenihan awan seperti berikut:

- Di Sarawak mulai 3 Februari 1998 hingga 27 April 1998 - jumlah operasi ialah 142. Peratus kejayaan operasi yang dapat menghasilkan hujan ialah 31.7 %.
- Di Sabah mulai 14 Mac 1998 hingga 6 Mei 1998 - jumlah operasi ialah 51. Peratus kejayaan operasi yang dapat menghasilkan hujan ialah 31.4%.
- Di Semenanjung Malaysia mulai 1 April 1998 hingga 6 Mei 1998 jumlah operasi ialah 68. Peratus kejayaan operasi yang dapat menghasilkan hujan ialah 41.2%.

Kos yang terlibat dalam operasi di atas adalah seperti berikut:

- Semenanjung Malaysia jumlah operasi adalah 49 dengan kos sebanyak RM364,080.
- Di Sabah jumlah operasi adalah 59 dengan kos sebanyak RM171,487.
- Di Sarawak jumlah operasi adalah 142 dengan kos yang terlibat sebanyak RM149,137.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Pindaan 1996), terdapat peruntukan yang boleh diambil tindakan ke atas mereka yang melakukan pembakaran terbuka iaitu melalui tindakan mahkamah dan tindakan mengkompaun. Bagi tempoh tahun 1997 hingga 14 April 1998 sebanyak 630 kompaun telah dikeluarkan dan 77 kes dikenakan tindakan mahkamah. Pecahan kes mengikut negeri adalah seperti berikut:

Negeri

Bilangan kes

Pulau Pinang	-	161
Melaka	-	105
Pahang	-	77
Sabah	-	64
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur		57
Kedah dan Perlis	-	50
Johor	-	38
Kelantan	-	38
Terengganu	-	31
Selangor	-	28
Perak	-	29
Negeri Sembilan	-	13
Sarawak	-	20

Luas kawasan hutan yang terbakar di bahagian Miri baru-baru ini ialah lebih kurang 6,709 hektar dan di kawasan Limbang pula ialah lebih kurang 524 hektar. Punca-punca kebakaran setakat ini masih lagi belum diketahui.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini terdapat tiga jenis undang-undang yang mengandungi peruntukan bagi mengawal kebakaran terbuka iaitu:

- (i) Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 (Pindaan 1996);
- (ii) Akta Kerajaan Tempatan 1976; dan
- (iii) Ordinan Sumber Asli dan Alam Sekitar Negeri Sarawak.

Ketiga-tiga undang-undang di atas dikuatkuasakan oleh Jabatan Alam Sekitar, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Kerajaan Negeri Sarawak. Dalam melaksanakan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, (Pindaan 1996) antara aktiviti yang dijalankan termasuklah membuat rondaan setiap hari di seluruh negara dan mengesan pembakaran terbuka daripada udara dengan kerjasama Unit Udara Polis.

Memandangkan Jabatan Alam Sekitar mempunyai sumber tenaga kerja yang agak terhad usaha telah dibuat untuk menurunkan kuasa kepada agensi yang lain bagi mempertingkatkan tindakan penguatkuasaan iaitu:

- (i) Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia;
- (ii) Polis Diraja Malaysia;
- (iii) Jabatan Kerajaan Tempatan;
- (iv) Kementerian Kesihatan;
- (v) Angkatan Tentera Malaysia;
- (vi) Dewan Bandaraya Kuala Lumpur; dan
- (vii) Majlis Perbandaran Labuan.

Di samping itu, kerajaan sedang meminda Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 bagi mengenakan hukuman lebih berat kepada mereka yang didapati bersalah melakukan pembakaran terbuka. Pada masa yang sama, usaha untuk meningkatkan kesedaran rakyat terhadap pentingnya menjaga alam sekitar sedang dipergiatkan.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata saya mengambil peluang ini merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas minat, keprihatinan dan sokongan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dalam membantu kerajaan menangani masalah jerebu ini. Sekian, terima kasih.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Kita ucapkan terima kasih kepada Menteri kerana hadir sendiri untuk menjawab soalan-soalan yang begitu banyak ditimbulkan oleh Ahli-ahli Dewan Negara, menunjukkan prihatinnya Ahli Dewan Negara terhadap isu semasa yang bersangkutan-paut dengan keadaan alam sekitar.

Soalan saya ialah apa yang berlaku sekarang ini kita nampak seolah-olah merupakan satu monism sequence show daripada wujudnya El-Nino dan La-Nina. Jadi saya hendak tahu adakah pihak kementerian telahpun mengkaji apakah monism root cause, sebab-sebab akar umbi wujudnya El-Nino (yang jantan) dan La-Nina (yang betina). Adakah kedua-dua ini dicetuskan oleh mana-mana pihak dan kalau sekiranya yang jantan dan yang betina ini di 'sexualised'kan, maknanya kita 'neutralised'kan seks jantina dia supaya mereka tidak mengakibatkan apa-apa kemudaratan di negara ini. Jadi, kita hendak tahu adakah pihak kementerian akan menyiasat bagaimana punca semuanya ini adalah kerana El-Nino, La-Nina.

Datuk Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya soalan dari kawan saya itu adalah sukar untuk dijawab oleh kerana saya bukan seorang saintis dan saya cubalah.

Tuan Yang di-Pertua, El-Nino atau La-Nina sebenarnya berlaku semasa perayaan Hari Krismas tetapi apa yang sebenarnya berlaku, El-Nino dan La-Nina dari segi sains, kita belum mengetahui dengan sepenuhnya, apakah sebabnya berlaku fenomena seumpama itu. Walau bagaimanapun, setakat ini saintis telah

mendapat sedikit sebanyak, telah bertambah ilmunya mengenai bagaimana mereka berlaku.

Dari segi El-Nino yang berlaku kadangkala yang membawa kemarau atau kurang hujan, La-Nina yang lebih hujan daripada cuaca. Oleh sebab itu, kajian atau penyelidikan ke atas fenomena ini masih diteruskan. Memanglah kementerian saya mengambil perhatian yang serius dan selalu bekerjasama dengan Jabatan Kajicuaca dan lain-lain jabatan di bawah kementerian saya bekerjasama dengan saintis-saintis di dunia ini. Sekian, terima kasih.

Datuk Haji Kasim bin Mh. Yusop: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Kita sedia maklum, kemusnahan hutan terutamanya hutan tropika ini akan menjejaskan iklim dunia, negara-negara Barat lantang menyuarakan perkara ini tetapi saya ingin tahulah, termasuk soalan saya tadi, apakah sumbangan dan bantuan negara-negara Barat dalam usaha kita memadamkan kebakaran terutama sekali kebakaran yang tidak disengajakan. Selain daripada itu, apakah sumbangan Bangsa-Bangsa Bersatu sendiri, satu badan dunia yang bertanggungjawab terhadap alam sekitar dalam menangani masalah ini. Terima kasih.

Datuk Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas soalan ini. Untuk secara amnya, kita negara-negara di rantau ini belum pernah menerima bantuan yang keseluruhannya hanya semasa berlakunya jerebu, ada negara-negara tertentu mengambil ketetapan memberi sedikit sebanyak bantuan. Walau bagaimanapun, sejak berlakunya jerebu tahun lepas, Menteri Alam Sekitar ASEAN telah membawa perkara ini untuk perhatian UN atau PBB dan menjadikan masalah jerebu ini bukan masalah serantau, ini telah menjadi masalah sedunia.

Oleh sebab itu, sepatutnya PBB terlibat menolong mengatasi perkara-perkara ini dan sukacita saya memaklumkan di sini dengan usaha itu United Nation Environment Programme (UNEP), Pengarah Eksekutif yang baru yang juga bekas Menteri Alam Sekitar Jerman telah datang berjumpa dengan kita sebanyak dua kali, yang pertamanya di Kuching pada hujung bulan Februari dan keduanya awal

bulan April di Brunei Darussalam dan beliau sendiri telah bersetuju ini adalah satu masalah yang rumit dan antarabangsa sepatutnya memberi perhatian yang serius.

Ini bukan akan mengadakan kesan ke atas cuaca dan juga bio-diversity atau kepelbagaian bio-diversity. Oleh sebab itu satu mesyuarat telah diadakan pada 20 April di Geneva untuk pakar-pakar (expert) mengenai teknik bagaimana boleh menangani masalah jerebu atau kebakaran hutan dan Malaysia dengan sukacitanya dikenali sebagai salah satu mempunyai kepakaran dalam menangani kebakaran hutan dan Malaysia telahpun menghantar Ketua Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat menghadiri mesyuarat itu. Mesyuarat itu diikuti pada 21 April, satu mesyuarat diadakan yang dipanggil 'Donors Meeting', Mesyuarat Penyumbang. Oleh sebab semua yang hadir adalah wakil sahaja atau duta-dua besar, mereka perlu mengetahui keseluruhan keadaannya dan sebelum mereka membuat apa-apa komitmen, mereka perlu merujuk kepada negara yang berkenaan, barulah kita mengetahui apa yang sebenarnya akan berlaku, kecuali negara Egypt yang telah mencadangkan sumbangan sebanyak Egyptian Pounds 100,000. Mengikut kiraan jikalau ingin mengatasi masalah pembakaran hutan dan jerebu sebanyak hampir US\$10 juta akan diperlukan dan UNEP dengan segala usahanya untuk mendapatkan peruntukan ini dari negara dunia. Sekian, terima kasih.

LEMBAGA LETRIK SABAH (LLS) - PRESTASI

2. **Tuan Jiuin bin Jimin** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan prestasi Lembaga Letrik Sabah (LLS) sejak Tenaga Nasional Berhad terlibat dengan pengurusan LLS.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Dato' Chan Kong Choy]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak Pasukan Pengurusan Tenaga Nasional Berhad (TNB) ditempatkan di Lembaga Letrik Sabah (LLS) mulai 26 Julai 1997, prestasi Lembaga Letrik Sabah pada keseluruhannya adalah memuaskan. Pasukan pengurusan tersebut telah banyak

membantu LLS dalam menyelesaikan masalah-masalah berhubung dengan pembekalan elektrik kepada orang ramai di Sabah. Ini dapat dibuktikan dengan bilangan aduan orang ramai yang telah dapat dikurangkan daripada 220 aduan untuk tempoh enam bulan pertama tahun lepas kepada 184 aduan untuk tempoh enam bulan kedua tahun yang sama.

Di samping itu, masalah gangguan bekalan elektrik telah dapat dikurangkan melalui perancangan dan tindakan susulan yang berkesan oleh pihak pengurusan Lembaga Letrik Sabah. Ini termasuklah pelaksanaan projek seperti berikut:-

- (i) membaikpulih serta menaiktaraf bagi 9 stesen janakuasa Lembaga Letrik Sabah yang dahulunya sering mengalami kerosakan dan tidak diselenggarakan dengan baik; dan
- (ii) pembinaan 4 projek bagi sistem penghantaran di seluruh negeri Sabah.

Pasukan pengurusan TNB di Lembaga Letrik Sabah juga sedang dan akan berusaha untuk meningkatkan prestasi dan produktiviti pekerja-pekerja LLS bagi meningkatkan lagi imej LLS.

PELABURAN NEGARA - JUMLAH SEHINGGA DISEMBER 1997

3. **Dato' P. Krishnan** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan: -

- (a) setakat Disember 1997, jumlah pelaburan di negara kita oleh pelabur-pelabur asing; dan
- (b) dengan kegawatan ekonomi yang melanda negara kita, apakah rancangan masa depan untuk menarik lebih ramai pelabur luar negara datang ke negara kita dan apakah insentif tambahan yang akan diberikan kepada mereka untuk tujuan tersebut.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Tuan Kerk Choo Ting]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini

bersama-sama dengan satu lagi soalan daripada Yang Berhormat To' Puan Wan Asiah binti Ahmad yang perlu dijawab pada 20 Mei 1998 kerana kedua-dua soalan ini saling berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Tuan Kerk Choo Ting: Bagi tempoh Januari hingga Disember 1997, MITI meluluskan 478 projek perkilangan yang melibatkan pelaburan asing berjumlah RM11.5 bilion. Manakala bagi tempoh Januari hingga Mac 1998 MITI telah meluluskan 143 lagi projek perkilangan dengan pelaburan asing sejumlah RM3.8 bilion.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, tiada maklumat diterima mengenai pelabur-pelabur asing yang telah menarik pelaburan mereka dari Malaysia akibat daripada kegawatan ekonomi yang melanda negara ini. Akan tetapi terdapat pelabur-pelabur asing yang telah menutup kilang dan menghentikan operasi mereka kerana sebab-sebab tertentu seperti kesukaran mendapat pekerja, peningkatan kos buruh dan barangan tidak dapat bersaing di pasaran. Atas sebab-sebab ini bagi tahun 1997 sebanyak 18 pelabur daripada enam buah negara yang melabur di negara ini telah menutup kilang dan memberhentikan operasi mereka.

Bilangan pelabur yang terlibat meliputi pelabur-pelabur Singapura - lapan buah atau lapan orang, Taiwan (4), Jepun (2), Hong Kong (2), United Kingdom (1) dan Jerman (1). Bagi tempoh Januari hingga Mac 1998, sebanyak dua pelabur dari dua buah negara telah menutup kilang mereka iaitu satu pelabur dari Singapura dan satu pelabur dari Taiwan.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan akan terus merancang dan mengambil langkah-langkah untuk menarik lebih ramai pelabur asing melabur di negara ini.

Langkah-langkah seperti yang telah diumumkan oleh kerajaan termasuk: -

- (i) mengadakan misi penggalakan pelaburan dan perdagangan ke negara-negara pengeksport modal utama khususnya Amerika Syarikat, Taiwan, Jepun, Switzerland, Perancis dan Jerman;

- (ii) mengadakan dialog dengan pertubuhan-pertubuhan perdagangan dan industri bagi mengenal pasti masalah-masalah yang dihadapi serta langkah-langkah yang sesuai untuk mengatasinya;
- (iii) penyebaran maklumat bertujuan memberi gambaran sebenar keadaan ekonomi dan iklim pelaburan negara serta langkah-langkah yang diambil untuk mengukuhkan kestabilan ekonomi dan sistem kewangan negara kepada pihak-pihak di luar negara; dan
- (iv) mengukuhkan lagi kestabilan politik dan keharmonian masyarakat berbilang kaum di negara ini dan mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk memulihkan ekonomi negara.

Untuk mempertingkatkan lagi iklim pelaburan dalam negara, beberapa insentif tambahan telah diperkenalkan oleh kerajaan seperti berikut:-

- (i) kadar cukai korporat telah dikurangkan sebanyak 2%, daripada 30% kepada 28% dan pengecualian kepada pendapatan badan berkanun sebanyak 10% daripada nilai peningkatan eksport diberi kepada syarikat pengilangan yang mengeksport pengeluaran yang mempunyai nilai tambahan sekurang-kurangnya 3%;
- (ii) pengecualian ke atas pendapatan berkanun sebanyak 15% daripada nilai peningkatan eksport diberikan kepada syarikat perkilangan yang mengeksport keluaran yang mencapai nilai ditambah 50% atau lebih; dan
- (iii) untuk menyokong usaha memudahkan eksport negara, kos pembinaan dan pembelian kemudahan penggudangan yang digunakan untuk tujuan eksport dan eksport semula akan diberi elaun khas sebanyak 10%;

- (iv) galakan untuk aktiviti penyelidikan dan pembangunan (P&P) atau dalam bahasa Inggeris R&D yang disediakan itu ada diperluaskan kepada syarikat yang menjalankan kegiatan rekabentuk atau prototaip secara berasingan atau bersekali dengan ujian; dan akhirnya,
- (vi) kelonggaran syarat eksport kepada syarikat-syarikat yang layak sehingga 50% daripada pengeluaran mereka boleh dipertimbangkan kepada syarikat-syarikat yang dikenakan syarat eksport ke atas lesen pengilang mereka.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, tadi Yang Berhormat ada menyebut kerajaan tidak dapat mengesan jumlah pelaburan asing yang ditarik keluar. Dalam masa yang sama, pihak kerajaan telah menyatakan beberapa syarikat yang dipunyai oleh pelabur-pelabur luar telah menutup syarikat-syarikat mereka akibat daripada kesukaran mendapat tenaga pekerja dan sebagainya.

Apakah langkah-langkah kerajaan bagi membantu syarikat-syarikat tersebut supaya mereka mengekalkan operasi pelaburan di syarikat-syarikat yang sedia ada dan ini secara tidak langsungnya mengekalkan pelaburan di sini.

Tuan Kerk Choo Ting: Tuan Yang di-Pertua, syarikat pelabur-pelabur atau syarikat-syarikat yang ditutup dan juga berpindah ke negara-negara lain kerana gaji atau kos pekerja itu di negara-negara lain lebih murah dari Malaysia, oleh sebab itu ini adalah satu labour intensive industry di mana kita tidak dapat menarik mereka duduk di Malaysia. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya nombor 4. Saya hendak betulkan sedikit sahaja. Perkataan 'menyatakan sila nyatakan' itu sepatutnya, 'sila nyatakan' tidak timbul lagi, 'menyatakan nilai setiap transaksi. Terima kasih.

TRANSAKSI PROJEK PENSWASTAAN - NILAI

4. **Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman** minta Perdana Menteri menyatakan nilai setiap transaksi projek-projek penswastaaan yang telah pun dijual beli dan juga mereka yang terlibat.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Othman bin Abdul]: Tuan Yang di-Pertua, pertanyaan Ahli Yang Berhormat mengenai nilai bagi setiap transaksi projek-projek penswastaaan adalah terlalu umum dan sukar untuk kerajaan memberi jawapan yang berkaitan. Oleh itu, Ahli Yang Berhormat bolehlah mengemukakan pertanyaan mengenai projek penswastaaan yang spesifik yang memerlukan penjelasan kerajaan bagi membolehkan kerajaan memberikan maklum balas yang berkenaan dengan tepat.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ada soalan tambahan?

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan macam mana?

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Sebab ini hendak membuatkan klarifikasi sedikit. Saya hendak tahu, adakah pihak kerajaan kalau sekiranya ianya mengawasi projek-projek penswastaaan mendapati projek-projek yang telah dijual selepas diswastakan. Kalau tidak dapat secara menyeluruh, satu, dua pun tidak apa. Ini soalnya mengaitkan projek-projek penswastaaan yang telah pun dijual beli dan juga mereka yang terlibat.

Jadi, saya tidak minta seluruh projek, saya hendakkan contoh-contoh projek-projek yang diswastakan hari esok dijual hari lusa. Dan soalan ini telah pun ditimbulkan oleh ramai pihak dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sendiri mengatakan sekarang ini projek-projek yang diswastakan tidak

boleh dijual sehingga sampai tiga tahun, maknanya sudah wujud projek-projek yang sudah dijual.

Jadi, kalau dapat pihak kerajaan menyatakan sedikit sebanyak projek-projek, yang mana dia hendak pilih ikut dialah. *[Ketawa]*

Dato' Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, memang ada terdapat projek-projek penswastan yang diswastakan kemudian dijual seperti IWK, contohnya, tetapi penjualan itu haruslah mendapat persetujuan kerajaan terlebih dahulu dan setiap syarikat yang diswastakan oleh kerajaan mestilah mendapat kelulusan persetujuan dari pihak kerajaan sebelum ia dijual, ini contoh yang dapat saya berikan. Tetapi ada juga syarikat-syarikat lain yang saya tidak ada senarai di sini tetapi insya-Allah, kalau Ahli Yang Berhormat berhajatkan bolehlah kita memberikan secara bertulis dengan nilainya tetapi tidaklah banyak jumlahnya seperti kalau dibandingkan dengan jumlah syarikat yang diswastakan oleh pihak kerajaan.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Saya amat dukacita dengan jawapan yang diberikan oleh kerajaan. Kalau sekiranya mereka sudah tahu ada projek-projek yang telah pun dijual dan dibeli tetapi tidak dapat mengumumkan kepada Dewan Negara ini, saya tidak faham kenapa ianya tidak boleh berbuat demikian sehi nggakan boleh mengatakan soalan saya begitu umum.

Jadi, saya berharaplah pihak kerajaan dapat memberikan secara bertulis dan saya akan edarkan kepada Ahli-ahli Dewan. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Jawab bertulislah ya! *[Tepuk]* Yang Berhormat Dato' Haji Ahmad bin Ismail.

Puan Tan Ah Eng: Tuan Yang di-Pertua, soalan nombor 5.

**FELCRA BERHAD - TINDAKAN TERHADAP
PEGAWAI KANAN YANG MENYELEWENG**

5. **Puan Tan Ah Eng [di bawah S.O. 23(2)]** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan:-

- (a) apakah kementerian sudah mendapatkan semula wang RM40.1 juta yang disyaki diseleweng oleh beberapa pegawai kanan Felcra Berhad; dan
- (b) apakah tindakan yang diambil oleh kementerian terhadap beberapa pegawai kanan Felcra Berhad yang melakukan penyelewengan tersebut.

Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar [Dato' K. Kumaran]:

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Felcra Berhad telah menubuhkan satu Jawatankuasa Petugas yang terdiri dari pegawai-pegawai Felcra Berhad, Kementerian Kewangan dan Kementerian Pembangunan Luar Bandar bagi mencari jalan dan menentukan kaedah mendapatkan balik wang yang dikatakan telah diselewengkan itu, tetapi sehingga sekarang wang tersebut masih belum diperolehi semula. Dakwaan penyelewengan itu dapat dikesan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar pada bulan Oktober 1997 iaitu selepas Felcra dikorporatkan tetapi penyelewengannya telah dilakukan pada bulan Mei 1997 iaitu sebelum ia dikorporatkan. Felcra dikorporatkan pada 1 September 1997.
- (b) Dakwaan penyelewengan beberapa pegawai Felcra Berhad masih di dalam siasatan Badan Pencegah Rasuah. Bagi memudahkan siasatan tersebut, tiga pegawai kanan Felcra Berhad telah diarah bercuti rehat sejak 1 Januari 1998.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan dari kerajaan, sejauh manakah prestasi Felcra dan Risda dan satu lagi mengapakah pengesanan terhadap penyelewengan yang berlaku di dalam agensi Felcra dan Risda ini begitu lambat sedangkan ianya melibatkan jumlah yang

begitu banyak. Adakah ini menunjukkan tidak ada ketelusan dalam pentadbiran badan-badan ini.

Dato' K. Kumaran: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang pertama tidak ada kena-mengena dengan soalan pokok ini.

Soalan yang kedua, Audit Dalam telah mendapat tahu penyelewengan melalui pengaduan yang diterima daripada pihak dalaman, baru juga Felcra dapat menyiasat dan terdapat penyelewengan dan telah menubuhkan sebuah jawatankuasa tetapi jawatankuasa itu tidak dapat confirm, mengesahkan penyelewengan dan kita minta ACA untuk mengesan perkara ini.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya berterima kasih di atas kenyataan yang menyatakan tiga orang pegawai telah diberikan cuti rehat.

Saya ingin tahu apakah sebabnya dan apakah tindakan yang mungkin dikenakan kepada ketiga orang pegawai yang berkenaan.

Dato' K. Kumaran: Tuan Yang di-Pertua, ketiga-tiga ini disyaki, belum dituduh, dibicara dan dijatuh hukuman. Oleh sebab itu, kita tidak boleh kata apakah hukuman yang kita boleh buat, hanya disyaki sahaja, mereka mungkin akan membela diri dalam mahkamah, mungkin mereka menang.

ALAT MEMADAM KEBAKARAN DI BANGUNAN TINGGI - KELENGKAPAN PIHAK BOMBA

6. **Tuan Abdillah bin Haji Abdul Rahim** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada Jabatan Bomba mempunyai alat kelengkapan yang terkini untuk memadam kebakaran di bangunan-bangunan pencakar langit yang sudah dibina di beberapa buah negeri di Malaysia ini.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tuan Peter Chin Fah Kui]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kebakaran di bangunan tinggi biasanya ditangani dari luar dan dari dalam.

Dari luar, Jabatan Bomba dan Penyelamat mempunyai jentera yang boleh mencapai had tinggi 45 meter untuk aktiviti pepadaman dan penyelamat. Yang

lebih penting ialah aktiviti pemadaman dan penyelamat dari dalam bangunan berkenaan.

Bagi bangunan tinggi telah disyaratkan dalam rekabentuknya ciri-ciri yang akan membantu usaha memadam kebakaran dan melindungi orang yang berada dalamnya. Di samping itu, ia juga dikehendaki direkabentuk bagi membolehkan anggota bomba naik ke semua tingkat untuk operasi pemadaman dan penyelamat.

Tuan Abdillah bin Abdul Rahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah kerajaan bercadang hendak membeli helikopter untuk memadam api ataupun kebakaran di bahagian tinggi dalam bangunan pencakar langit kita.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, memang ada satu cadangan untuk membeli helikopter untuk operasi memadamkan api seperti api dalam hutan dan sebagainya, tetapi untuk menyelamatkan orang-orang atau penghuni dalam bangunan pencakar langit itu maka kita sudah ada jentera-jentera/helikopter yang dioperasikan oleh pihak tentera udara dan jentera-jentera atau helikopter ini memang boleh digunakan kalau perlu, tetapi khas bagi pemadaman api, kerajaan sudah memutuskan hendak membeli dua helikopter jenis ini untuk digunakan bagi memadamkan api kebakaran hutan dan sebagainya.

PENDATANG TANPA IZIN - PEMBABITAN RAKYAT TEMPATAN DAN TINDAKAN YANG DIAMBIL

7. **Tuan Hanipah bin Ahmad** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapa jumlah pendatang tanpa izin yang bolos masuk ke Malaysia melalui jalan laut (Selat Melaka) dan darat (negeri-negeri bersempadanan selatan Thailand) sejak tahun 1997 hingga Mac 1998. Apakah tindakan dari segi undang-undang antarabangsa dan hukum-hukum kemanusiaan yang wajib dilakukan. Apakah langkah-langkah berterusan yang akan diambil demi menjamin keselamatan di segi politik dan sosial negara. Berapa jumlah rakyat tempatan yang menjadi tekong dapat ditangkap dan hukuman-hukuman yang setimpal dengan jenayah ini. Golongan pegawai dan kakitangan dari jabatan manakah yang didapati terlibat dengan jenayah ini.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua, seramai 18,933 orang pendatang tanpa izin telah ditangkap melalui Operasi Nyah I kerana cuba memasuki negara ini sepanjang tahun 1997 hingga Mac 1998. Bilangan pendatang tanpa izin yang berjaya menyusup masuk tidak dapat diketahui.

Adalah menjadi satu kesalahan di bawah Akta Imigresen 1959/1963 mana-mana warganegara asing yang masuk tanpa pasport atau lain-lain dokumen perjalanan yang sah dan melalui tempat-tempat yang tidak diwartakan sebagai pintu masuk, mereka yang melakukan kesalahan ini akan ditangkap, didakwa dan diusir ke negara asal. Pengusiran juga boleh dilaksanakan sama ada tindakan pendakwaan diambil atau tidak.

Setiap negara mempunyai undang-undang dan peraturannya yang tersendiri berhubung dengan kemasukan warganegara asing ke negara masing-masing dan ianya tidak terikat dengan mana-mana perundangan antarabangsa. Walau bagaimanapun, kerajaan sentiasa bersikap berperikemanusiaan dalam menangani kehadiran pendatang tanpa izin ini.

Langkah-langkah yang diambil untuk mencegah kemasukan pendatang tanpa izin ialah dengan menggembelngkan anggota Unit Pencegah Penyeludupan (UPP), Rela dan Angkatan Tentera Malaysia bagi membantu PDRM dan Jabatan Imigresen dalam operasi bersepadu menyekat kemasukan pendatang tanpa izin ini.

Seramai dua orang rakyat Malaysia telah ditangkap dan didakwa kerana membawa masuk pendatang tanpa izin, mereka telah dihukum penjara dua tahun dan masing-masing didenda sebanyak RM15,000 dan RM10,000. Kedua-dua mereka bukanlah terdiri daripada kakitangan kerajaan atau Pegawai Imigresen.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri mengenai dengan pendatang tanpa izin dari Aceh yang saya tahu ada tiga pendatang tanpa izin dari Aceh yang mencero boh masuk dan mendapat perlindungan dari Kedutaan Amerika Syarikat dan juga di UNHCR. Saya hendak tahu apakah kedudukan sekarang ini

dan mereka ini masih lagi di bawah perlindungan kedutaan Amerika Syarikat dan kalau benar apakah ini satu tindakan yang tidak bermoral, pihak Kedutaan Amerika dan juga UNHCR kerana mereka ini adalah pendatang tanpa izin dan bukan pelarian politik.

Jadi, apakah tindakan kerajaan seterusnya mengenai mereka yang saya sebutkan tadi.

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, pendirian kerajaan adalah jelas dan konsisten sejak berlakunya pencerobohan ini iaitu kita tetap tidak akan mengakui mereka ini sebagai pelarian kerana mereka ini tidak ada apa-apa keistimewaan kalau dibandingkan dengan pendatang tanpa izin yang lain kerana mereka telah memasuki negara kita secara tidak teratur.

Walaupun UNHCR dan juga Kedutaan Amerika Syarikat memilih untuk memberi perlindungan kepada mereka, sementara alasan mereka ialah hendak menentusahkan status mereka, tetapi selagi mereka berada di dalam kawasan kedutaan atau UNHCR, kita hormati hak mereka.

Sebaik sahaja mereka keluar dari kawasan itu, pihak Kerajaan Malaysia tetap akan mengambil tindakan mengikut undang-undang yang sedia ada.

Dato' Ghazi bin Haji Ramli: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pendatang tanpa izin berhubungkait dengan pasport. Saya dimaklumkan oleh beberapa ahli masyarakat mengatakan bahawa peraturan mendapat pasport sekarang ini tidak boleh diperbaharui pasport yang lama, walaupun masih banyak muka surat dan bila dibuat pasport yang baru harganya ialah RM300. Soalannya ialah apakah ini tidak membebankan ahli masyarakat semasa kegawatan ekonomi ini untuk mendapat RM300 kepada orang-orang yang hendak keluar negeri agak membebankan.

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, walaupun soalan agar keluar sedikit, tetapi saya jelaskan jugalah. *[Ketawa]*

Pasport yang baru telah pun dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merupakan satu pasport hi-tech di mana ia melibatkan cip

komputer yang boleh sahlaku lima tahun, selepas lima tahun cip komputer itu wajib ditukar kerana tidak boleh kita gunakan satu cip untuk selama-lama dan dari segi kawalan sama ada keselamatan atau semakan gerak geri orang kita pergi ke luar negeri perlu juga lima tahun, itu adalah munasabah.

Dalam keadaan kegawatan ekonomi ini, kerajaan menjangka hanya mereka yang berniaga, mereka yang benar-benar berkemampuan sahajalah yang keluar negeri, kalau yang sudah miskin, kegawatan ekonomi, kalau boleh kita kurangkan sedikitlah ke luar negeri, kalau kata sebab fee pasport itu tinggi sangat.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Fasal kita telah lewat sedikit ini, kurangkan soalan tambahan ya. *[Ketawa]*

TAHAP KEMISKINAN RAKYAT TERMISKIN (HARD CORE POOR) - USAHA MENGATASI

8. **Puan Kamilia binti Ibrahim** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan asas yang digunakan, bagaimanakah tahap kemiskinan di kalangan kumpulan rakyat termiskin (hard core poor) dan mengikut analisa kerajaan, sejauh manakah kejayaan kementerian mengatasi masalah kemiskinan terutama dalam aspek pelajaran dan tempat tinggal.

Dato' K. Kumaran: Tuan Yang di-Pertua, asas yang digunapakai bagi menentukan golongan rakyat termiskin di negara ini ialah pendapatan perkapita keluarga adalah separuh daripada Pendapatan Perkapita Paras Garis Kemiskinan (PGK). PGK yang digunapakai berubah apabila dikemaskini Indeks Harga Pengguna setiap dua tahun.

Setakat ini, kementerian berpuas hati di atas program pendidikan serta bantuan perumahan di bawah PPRT. Di bawah program pendidikan, Kementerian Pendidikan telah dan sedang meneruskan usaha-usaha bantuan seperti penyediaan kemudahan buku teks, biasiswa, asrama desa, makanan tambahan kepada kanak-kanak termiskin. Bilangan kanak-kanak termiskin yang telah mendapat kemudahan TASKA berjumlah 600 orang dan yang mendapat bantuan Makanan Tambahan Kanak-kanak Keluarga Termiskin adalah seramai 82,505 orang. Di bawah bantuan

perumahan, lebih daripada 42,000 unit telah dibaikpulih/bina baru dan akan diteruskan di seluruh negara.

Di samping itu, selain dari kerajaan, badan-badan bukan kerajaan seperti Yayasan-yayasan Kemiskinan Negeri dan Amanah Ikhtiar Malaysia juga turut terlibat dalam aspek pendidikan dan tempat tinggal. Sebagai contoh, Yayasan Basmi Kemiskinan Selangor telah menyediakan 871 rumah untuk keluarga termiskin dan seramai 9,135 kanak-kanak termiskin telah mendapat manfaat daripada Program Bantuan Pendidikan. Amanah Ikhtiar Malaysia pula telah mengeluarkan pinjaman perumahan berjumlah RM18,375,800 kepada 6,395 orang Sahabat dan pinjaman pendidikan berjumlah RM22,812,425 kepada 20,244 orang Sahabat.

Datuk Haji Sairin bin Karno: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin penjelasan daripada Kementerian Pembangunan Luar Bandar, saya rasa Yang Berhormat masih ingat bahawa satu ketika dahulu pada tahun 1994 beberapa ratus buah PPRT telah didirikan di Sabah dan 165 buah daripadanya adalah dari Keningau. Jadi, sehingga hari ini 165 buah PPRT tersebut yang melibatkan 165 keluarga yang telah mendiami rumah yang telah disiapkan, malangnya sehingga hari ini bayaran kepada pembinaan rumah tersebut yang dikategorikan sebagai PPRT masih belum dijelaskan.

Saya mohon Yang Berhormat untuk memberi penjelasan.

Dato' K. Kumaran: Tuan Yang di-Pertua, ini adalah soalan yang khusus. Walau bagaimanapun, saya teringat perkara ini.

Saya diberitahu bahawa mereka membina tanpa mendapat kebenaran dari kementerian dahulu, ini sudah jadi satu masalah di antara pihak kontraktor dengan kementerian dan perkara ini masih dibincang di antara kementerian dengan pemaju. Saya diberi faham bahawa mereka yang pemaju ataupun yang menggalakkan untuk pembinaan itu sebelum dapat kebenaran daripada kementerian sudah membina projek itu.

Oleh sebab itu kementerian menghadapi masalah untuk membayar dan untuk mendapat kelulusan daripada Perbendaharaan.

Datuk Haji Sairin bin Karno: Tuan Yang di-Pertua, sedikit tambahan. Oleh kerana sebenarnya ini diluluskan oleh bekas Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan memang tidak ada hitam putih, barangkali itu masalah maka saya meminta supaya perkara ini diambil sebagai perkara serius yang perlu diselesaikan segera. Terima kasih.

Dato' K. Kumaran: Jangan bimbang, boleh! *[Ketawa]*

Puan Jamilah binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya, adakah pihak kementerian dapat mengesan kanak-kanak yang berada dalam kategori kanak-kanak miskin, saya ingin tahu negeri manakah yang terbabit dengan masalah ini?

Dato' K. Kumaran: Tuan Yang di-Pertua, apa masalah itu? *[Ketawa]*

Puan Jamilah binti Ibrahim: Masalah kanak-kanak yang berada dalam kategori kanak-kanak miskin. Jadi, negeri manakah di dalam senarai kementerian yang menghadapi masalah ini?

Dato' K. Kumaran: Tuan Yang di-Pertua, kita hanya mengadakan kajian berkaitan dengan ketua isi rumah, tidak sekadar mempunyai satu kajian pedalaman untuk mengenal pasti kanak-kanak yang berada dalam paras kemiskinan.

BANK ISLAM - KEISTIMEWAAN MENJALANKAN SISTEM BERLANDASKAN SYARIAH

9. **Puan Jamilah binti Ibrahim** minta Menteri Kewangan menyatakan adakah pihak kerajaan bercadang mengambil langkah sewajarnya seperti membenarkan Bank Negara memberikan keistimewaan kepada Bank Islam menjadi sistem perbankan berlandaskan syariah secara unggul dan utama di negara ini memandangkan 70-80% urusan deposit Bank Islam terdiri dari masyarakat bukan Islam di negara ini. Selain itu memberi laluan untuk meningkatkan usaha ke arah memantapkan pelaksanaan peraturan syariah dalam sistem perbankan dan juga di samping sistem perekonomian secara tidak langsung.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon untuk menjawab pertanyaan ini bersama-sama dengan pertanyaan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Norjan binti Khan Bahadar bertarikh 19 Mei 1998 kerana menyentuh isu yang sama.

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, menyedari keperluan umat Islam di Malaysia untuk mempunyai sistem kewangan yang beroperasi berlandaskan prinsip Syariah, Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) telah ditubuhkan pada tahun 1983 dan mendapat sambutan yang menggalakkan dari kalangan pengguna perkhidmatan perbankan sama ada orang Islam ataupun orang bukan Islam. Dianggarkan sebanyak 85% daripada jumlah deposit disimpan oleh pelanggan Islam sementara sebanyak 34% daripada jumlah keseluruhan pembiayaan diberikan kepada pelanggan bukan Islam.

Untuk memperluaskan lagi perkhidmatan perbankan yang berlandaskan Syariah, kerajaan telah memperkenalkan Skim Perbankan Tanpa Faedah (SPTF) pada tahun 1993 bagi institusi-institusi perbankan konvensional menawarkan kemudahan perbankan Islam.

Setakat 31 Disember 1997, terdapat 51 institusi perbankan yang menawarkan kemudahan perbankan SPTF. Beberapa langkah telah diambil untuk memantapkan sistem perbankan Islam. Di antaranya ialah memperkenalkan garis panduan contoh penyata kewangan, membenarkan pembukaan cawangan SPTF sepenuhnya dan menubuhkan Majlis Penasihat Syariah Kebangsaan bagi perbankan Islam dan Takaful di Bank Negara Malaysia. Setakat 31 Disember 1997, sistem perbankan Islam telah berjaya mengumpul jumlah deposit sebanyak RM9.9 bilion sementara jumlah pembiayaan yang telah diberikan berjumlah RM10.7 bilion.

Penyertaan masyarakat Islam dan bukan Islam dalam syarikat perbankan tanpa faedah (SPTF) dan juga Takaful Islam adalah sangat menggalakkan. Jumlah deposit SPTF telah bertambah sebanyak 67.6% iaitu RM3.98 bilion pada 13 Disember 1996 kepada RM6.67 bilion pada 31 Disember 1997. Bagi Takaful Keluarga, caruman perniagaan baru menunjukkan kenaikan sebanyak 44% iaitu RM55 juta pada 31 Disember 1996 kepada RM79.2 juta pada 31 Disember 1997.

Untuk Takaful Am pula caruman kasar menunjukkan peningkatan sebanyak 37.5% pada 31 Disember 1997 kepada RM92.1 juta berbanding RM67 juta pada 31 Disember 1996.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan, di antara anak syarikat Bank Islam ialah Syarikat Takaful. Saya baca dalam surat khabar baru-baru ini parti PAS mengadakan muktamar dan Ketua Dewan Ulama PAS ada membuat kenyataan bahawa Takaful tidak menjalankan urusan insurans ini secara berlandaskan

kepada prinsip syariah. Apakah ini betul dakwaannya kerana ia menimbulkan kekeliruan masyarakat Islam?

Yang kedua, saya ingin bertanya sama ada benar atau tidak Bank Islam akan bergabung ataupun mengambil alih Bank Rakyat. Kalau benar, itu baguslah. Kalau tidak apakah ada cadangan supaya Bank Rakyat digabungkan dengan Bank Islam kerana Bank Rakyat sendiri sudah pun menjalankan sistem perbankan secara Islam hampir lebih daripada 50 peratus produk-produk yang dikeluarkan oleh Bank Rakyat sekarang ini. Apakah ada rancangan ke arah digabungkan Bank Rakyat dengan Bank Islam?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, untuk soalan pertama, saya tidak tahulah macam mana Parti PAS membuat saranan sebegitu kerana di sini saya ada 10 ulama Malaysia yang menasihat dan memberi kajian mengenai dengan prosedur dan kaedah-kaedah Takaful dan juga lain-lain produk Islam. Ingin saya bacakan nama-nama mereka supaya Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian pasti dan yakin bahawa apa yang dibuat oleh Bank Islam dan Takaful adalah berasaskan kepada ilmu syariah yang mendalam. Ahli-ahli panel itu adalah profesor emeritus Tan Sri Dato' Ahmad bin Mohamad Ibrahim, iaitu seorang lawyer dalam perundangan Islam yang terkemuka di dunia ini; Profesor Dato' Dr. Osman bin Haji Ishak; Dato' Dr. Harun Din sendiri; Dr. Abdullah Ibrahim.; Dato' Mohamad Hashim bin Haji Yahya'; Dato' Sheikh Azmi Ahmad; Dr. Daud Bakar, bukan Bakar Daud, Daud Bakar; [*Ketawa*] ustaz Hassan Ahmad, Dato' Dr. Abdul Halim Ismail iaitu orang yang memulakan perjalanan Bank Islam walaupun Ph.Dnya Oxford tetapi berpengajian tinggi di dalam bidang Islam; dan Dr. Ahmad Ali Abdullah – semua ini ulama belaka. Kalau hendak dikatakan tidak mengikut kaedah Islam, maka sebenarnya Parti PAS membohongi rakyat.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan Bank Islam Malaysia dan Bank Rakyat, ingin saya nyatakan di sini bahawa Bank Rakyat telah mengislamkan keseluruhan produknya, bukan 50 peratus, 100 peratus. Setakat ini ada cadangan daripada Bank Islam untuk bercantum dengan Bank Rakyat tetapi masih lagi di dalam kajian kerana Bank Rakyat adalah sebuah bank yang lebih besar daripada Bank Islam – asetnya RM6 bilion ataupun RM6,000 juta; Bank Islam RM5 bilion sahaja. Jadi, persoalan ini sedang dikaji dan insya-Allah, mungkin suatu hari dapat kita cantumkan kedua-dua bank yang menjalankan segala produknya mengikut hukum syariah.

Puan Kamalia binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan response yang sangat menggalakkan tentang penggunaan perbankan secara Islam dan juga kita tahu bahawa prinsip-prinsip yang digunakan dalam perbankan tidak melibatkan spekulasi dan riba. Soalan saya adakah kerajaan dalam menganalisa masalah perbankan negara dan juga secara global akan mempertimbangkan untuk menerap prinsip-prinsip perbankan Islam dalam sistem perbankan negara.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Kamalia tadi, memang Kerajaan Malaysia khususnya telah pun memulakan proses untuk memperkenalkan sistem-sistem dan kaedah-kaedah Islam di dalam sistem kewangan,

perbankan dan lain-lain lagi. Tetapi pada masa ini kerajaan tidaklah bercadang untuk memaksa ke atas keseluruhan rakyat Malaysia dan dasar yang digunakan oleh kerajaan ialah mewujudkan kedua-dua sistem bersama – konvensional yang telah ada dan juga Islam – terletaklah kepada rakyat memilihnya. Jadi, di sini soal adakah sistem Islam ini akan dapat merangkum keseluruhan negara, itu terletaklah kepada masanya. Jikalau sistem ini dinampak oleh rakyat sekalian bahawa ianya lebih bagus, maka satu hari, insya-Allah ianya akan merangkumi keseluruhan sistem kewangan negara.

Misalannya Tuan Yang di-Pertua, di dalam produk almuḥarabah kebanyakan penyimpan di dalam produk almuḥarabah di dalam produk perbankan Islam ialah orang bukan Islam kerana orang-orang bukan Islam nampak sebelum kegawatan ini bahawa pulangan daripada produk almuḥarabah adalah lebih tinggi daripada time deposit ataupun fixed deposit. Tetapi dalam keadaan sekarang apabila tahap kadar faedah naik ini jadi satu masalah kerana faedah lebih tinggi tetapi pihak kerajaan juga sedang memikir untuk mengapungkan keuntungan di dalam sistem almuḥarabah supaya apabila berlaku ketidakpastian di dalam pasaran, maka almuḥarabah boleh juga dinaikkan bukan mengikut kaedah riba tetapi mengikut kehendak pasaran.

PEKERJA DI SEKTOR PEMBINAAN BERPINDAH KEPADA SEKTOR PERTANIAN – JUMLAH

10. **Datuk Haji Sairin bin Karno [di bawah S.O. 23(2)]** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan jumlah tenaga manusia yang bekerja di sektor pembinaan berpindah kepada sektor pertanian disebabkan kegawatan ekonomi sekarang ini dan jumlah pekerja dan syarikat yang diberhentikan dan tutup dan daripada 34,501 orang yang diberhentikan sejak Julai 1997 hingga April 1998 adakah melibatkan pekerja asing.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir]: Tuan Yang di-Pertua, semenjak Julai 1997 hingga 2 Mei 1998 Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Tenaga Rakyat telah menempatkan seramai hanya 88 orang rakyat tempatan ke dalam sektor pertanian. Untuk makluman, kementerian ini hanya bertanggungjawab melaksanakan dan menguruskan penempatan pencari-pencari kerja rakyat tempatan yang berdaftar di Jabatan Tenaga Rakyat dan tidak terlibat secara langsung dalam urusan memindahkan tenaga kerja khususnya tenaga kerja asing daripada sektor pembinaan kepada sektor pertanian. Walau bagaimanapun, kementerian ini sepanjang masa menggalakkan pencari-pencari kerja supaya memilih bidang pertanian semasa mereka mendaftarkan diri.

Dari Julai 1997 hingga 2 Mei 1998, sejumlah 39,302 orang pekerja telah diberhentikan iaitu 11,793 bagi tempoh Julai hingga Disember 1997 dan 27,509 orang bagi tempoh Januari hingga 2 Mei 1998. Dari jumlah itu hanya 13.6% ataupun 5,338 orang sahaja adalah pekerja asing.

Jumlah syarikat yang telah tutup dari Julai hingga Disember 1997 ialah 108 buah manakala dari Januari hingga 2 Mei ialah sebanyak 1,104 buah.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, kalau saya tidak silap ada MTUC ataupun CUEPACS membuat kenyataan bahawa lebih daripada 300,000 pekerja

akan hilang pekerjaan. Jadi, saya hendak tahu adakah kenyataan ini benar, apakah langkah-langkah kerajaan bagi mengatasi masalah ini akibat daripada kegawatan ekonomi sekarang ini?

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, kenyataan itu memanglah tidak betul. Kita harus membezakan soal orang-orang yang diberhentikan kerja dengan orang-orang yang tidak mempunyai pekerjaan – unemployed dengan retrenchment, ia ada perbezaan. Dalam keadaan ekonomi kita baik dahulu pun sepanjang masa kita mempunyai lebih kurang 200,000 lebih orang-orang yang tidak bekerja, yang boleh bekerja tetapi sengaja tidak mahu bekerja iaitu 2.6% pada satu ketika dan ini kita menganggapnya sebagai full employment kerana setiap masa dalam apa keadaan sekalipun sudah tentu ada orang-orang yang tidak mahu bekerja oleh sebab dia berhenti dari satu kerja hendak mencari kerja yang lain ataupun dia berhenti kerja oleh sebab tidak mahu pindah pergi ke tempat yang lain, berbagai-bagai.

Jadi, sepanjang masa kita ada orang yang tidak bekerja sebanyak 200,000 lebih dan mulai 1 Februari baru-baru ini kita telah memaksa menerusi kuat kuasa undang-undang semua syarikat/majikan yang hendak memberhentikan pekerja mestilah membuat laporan kepada Jabatan Buruh. Kalau mereka tidak berbuat begitu maka itu adalah satu kesalahan yang boleh didakwa di mahkamah. Bermakna, inilah angka yang telah pun didaftarkan kepada kita oleh syarikat-syarikat yang memberhentikan pekerja iaitu hanya 27,509 orang sahaja dari bulan Januari sehingga 2 Mei.

Tuan Yim Chee Chong: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya petang ini adalah saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk mengesahkan kenyataan saya sama ada betul atau tidak. Baru-baru ini Yang Berhormat Dato' Lim Ah Lek iaitu Menteri Sumber Manusia mengatakan bahawa sesiapa pekerja yang hilang pekerjaannya dalam masa kegawatan ekonomi pada hari ini boleh meminta bantuan daripada kementerian untuk belajar dalam 29 buah kolej. Pilih mana satu you suka, boleh masuk apa sahaja kolej – sebanyak 29 buah kolej dan segala bayarannya akan dibayar oleh kementerian dan juga mengatakan sebanyak RM2.2 milion diperuntukkan untuk pelajaran ini. Betul atau tidak kenyataan ini? Bolehkah tolong jelaskan?

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, sememangnya kerajaan telah pun menyediakan satu peruntukan permulaan RM2.2 juta dari Tabung Pembangunan Sumber Manusia (Human Resource Development Fund) iaitu bagi melatih syarikat-syarikat yang telah berdaftar dengan Tabung Pembangunan Sumber Manusia ini ataupun syarikat-syarikat yang berhak untuk berdaftar dengan Tabung Pembangunan Sumber Manusia. Itu sahaja, terhad. Namun demikian, sudah tentulah kalau orang hendak pergi buat kursus diploma dan sebagainya mereka terpaksa dahulu mempunyai kelulusan-kelulusan minimum yang dikehendaki bagi menjalankan kursus-kursus tersebut.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk Pertanyaan-pertanyaan Jawab Mulut telah pun selesai.

[Masa untuk Pertanyaan bagi jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi pertanyaan No. 11 hingga 43 akan dijilid dalam buku yang berasingan]

USUL

UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbilang-bilang syukur dan Terima Kasih kerana Titah Ucapan Seri Paduka Baginda semasa membuka Penggal Keempat Parlimen Kesembilan.”*[14 Mei 1998]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Hajah Habshah binti Haji Osman. Ramai yang hendak bercakap ya. Kita beri dua minit seorang boleh atau tidak? *[Ketawa]*

Puan Hajah Habshah binti Haji Osman: 20 minit, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ha?

Puan Hajah Habshah binti Haji Osman: Saya ringkas-ringkaskan sahaja.

3.44 ptg.

Puan Hajah Habshah binti Haji Osman: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang bercakap menyokong usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Senator Dato’ Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin pada 12 haribulan yang lalu kerana mengucapkan syukur dan terima kasih di atas Titah

Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa membuka Penggal Keempat Parlimen Yang Kesembilan.

Sesungguhnya, Tuan Yang di-Pertua, ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada penggal ini adalah di dalam keadaan negara menghadapi masalah ekonomi di mana masalah tersebut juga dihadapi oleh lain-lain negara di rantau Asia Tenggara. Dalam keadaan ekonomi yang sedemikian, pertamanya saya ingin memohon supaya pihak kerajaan mengkaji semula kesemua rancangan pembangunannya supaya perbelanjaan negara berseimbang dan bersesuaian dengan pendapatan negara.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, saya merasakan sudah sampailah masanya kerajaan mengkaji dasar-dasar sebelum keadaan ekonomi terjadi seperti hari ini terutama Dasar Penswastan. Telah terbukti sekarang beberapa Dasar Penswastan telah menyeleweng daripada dasar asal semasa Dasar Penswastan diperkenalkan. Walaupun hasrat asal adalah supaya kerajaan dapat mengurangkan perbelanjaan pengurusan dan pembangunan sesuatu projek yang diswastakan, nampaknya telah terjadi sebaliknya iaitu kerajaan telah menanggung beban yang tinggi dan juga pihak pengguna yang menerima padah perkhidmatan yang diswastakan itu.

Contohnya, Projek Lebuhraya Utara-Selatan (PLUS). Di sini pihak kerajaan telah bersetuju untuk tidak menerima cadangannya menaikkan kadar tol. Oleh yang demikian, pihak kerajaan terpaksa membayar subsidi kenaikan yang tidak diluluskan itu. Di samping itu, terdapat juga penswastan lain yang melalui proses tersebut seperti projek penswastan bekalan air di Johor kepada Syarikat Air Johor di mana pihak kerajaan negeri terpaksa membayar jumlah yang tinggi kepada Syarikat Air Johor yang membekalkan air yang diproses dan di mana tanggungjawab pengagihan air bagi rakyat juga ditanggung oleh kerajaan negeri seperti menyediakan saluran paip dan juga kerosakan. Begitu juga saya difahamkan Dasar Penswastan kereta-kereta kerajaan kepada Syarikat Spanco

Sdn. Bhd. yang mengakibatkan juga kerajaan menanggung beban pembayaran yang tinggi daripada sebelum ianya diswastakan.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Islam ada mengatakan sesuatu yang buruk itu ada masanya mendatangkan kebaikan atau hikmah. Begitu juga dalam keadaan ekonomi sekarang. Kita telah melihat beberapa perkara yang tersembunyi menjadi terbuka termasuk Dasar Penswastan yang saya nyatakan tadi. Saya merasakan telah tiba masanya kerajaan mengkaji semula pihak-pihak yang bertanggungjawab dalam menilai dasar-dasar penswastan dan yang memberi kelulusan. Kerajaan tidak sewajarnya meletakkan tanggungjawab ini sepenuhnya di bawah Unit Perancang Ekonomi. Sebaliknya hendaklah diwujudkan satu jabatan yang khusus dengan dianggotai oleh satu Jawatankuasa Penasihat Dasar Penswastan yang dianggotai oleh pihak kerajaan dan swasta.

Saya juga memohon pihak kerajaan khususnya Badan Pencegah Rasuah untuk menjalankan penyiasatan kepada semua kelulusan penswastan yang diberi kepada syarikat-syarikat bagi membuktikan ketelusan kelulusan tersebut dan mengikut peraturan. Jika terdapat unsur-unsur yang menyeleweng pihak BPR sewajarnya mengambil tindakan pendakwaan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua yang saya ingin ajukan ialah mengenai program Ops Nyah kepada pendatang tanpa izin oleh kerajaan. Di sini saya ingin merakamkan tahniah kepada pihak polis dan agensi lain yang terlibat di dalam operasi tersebut sehingga berjaya mengurangkan bilangan mereka yang berada di negara kita. Operasi menangkap mereka ini telah mengakibatkan beban kerja yang bertambah kepada pihak penguasa terutama bagi menyediakan kediaman tahanan di samping peruntukan kewangan yang amat tinggi.

Saya ingin mencadangkan di sini, di samping wujudnya pusat tahanan bagi pendatang tanpa izin ini, kita semua ketahui terdapat juga di kalangan mereka yang tertangkap mempunyai hubungan keluarga dengan rakyat di negeri ini. Oleh itu saya mencadangkan supaya kerajaan menggunakan budi bicara supaya di antara

mereka yang ditangkap boleh dijamin oleh keluarganya dan memastikan mereka dihantar pulang ke negara asal pendatang itu.

Berhubung dengan dakwaan oleh media asing bahawa kerajaan kita telah membunuh mereka ini, yang kita sedia maklum adalah satu fitnah yang jahat yang dibuat oleh media asing, supaya tidak berulang lagi, saya mencadangkan supaya pihak kerajaan melaksanakan sistem lembaga penasihat dan pelawat di pusat-pusat tahanan yang diwakili oleh pihak kedutaan dan pertubuhan bukan kerajaan. Mereka mestilah diberi tanggungjawab menasihati dan melawat pusat-pusat tersebut sekurang-kurangnya sekali dalam sebulan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang keempat yang ingin saya sentuh ialah gejala rasuah di negara kita yang masih lagi tidak dapat dibendung betapa pun kerajaan telah meminda Akta Pencegah Rasuah dan memberikan peruntukan yang besar kepada Badan Pencegah Rasuah. Saya ingin menyampaikan perasaan simpati saya kepada BPR dalam perkara penyiasatan kes-kes rasuah sehingga pihak BPR menanggung beban kerja terlalu banyak hinggalah terdapat kes-kes yang dalam penyiasatan tertinggal begitu sahaja kecuali diperingatkan seperti di dalam kes Perwaja. Oleh yang demikian, saya mencadangkan supaya pihak BPR tidak mengambil semua kes rasuah jika kabur untuk disabitkan, sebaliknya dipindahkan kes itu untuk penyiasatan pihak polis seperti contoh kes pemalsuan dokumen. Ini mungkin boleh disabitkan tuduhan di bawah Kanun Keseksaan sahaja. Diharapkan juga pihak polis tidak serta-merta memindahkan kes-kes yang berunsur rasuah ini kepada tanggungjawab BPR sekiranya kes-kes tersebut boleh disabitkan di bawah undang-undang lain.

Saya juga ingin mencadangkan di Dewan yang mulia ini supaya jangan berlaku salah anggapan orang ramai terhadap pegawai BPR sendiri di mana akhir-akhir ini didapati pegawai BPR sendiri terlibat di dalam rasuah. Di sini saya ingin ulangi lagi cadangan saya di penggal yang lalu supaya diwujudkan kompleks BPR iaitu kawasan kediaman mereka sendiri seperti dilakukan kepada pegawai kastam dan imigresen di mana pegawai-pegawai BPR diberi peruntukan rumah mereka dan

diberi wang pusingan pinjaman kenderaan yang dikendalikan oleh BPR sendiri. Di samping itu, saya ingin mencadangkan supaya kerajaan menggalakkan unit-unit khas di jabatan-jabatan kerajaan yang terdedah dengan risiko rasuah ditubuhkan bagi membanteras rasuah. Kakitangan dan pegawai unit pencegahan rasuah ini mestilah bebas daripada sebarang tekanan pegawai atasannya dan boleh menyalurkan maklumat-maklumat kepada BPR sekiranya terdapat rasuah di dalam jabatan dan kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya perkara kelima yang ingin saya ajukan ialah menyentuh alam sekitar. Dalam keadaan cuaca panas hari ini dan kekurangan air di Lembah Klang dan lain-lain tempat di Utara dan Pantai Timur, beberapa kenyataan hasil dari cuaca panas dan kekurangan air adalah berpunca daripada pengurusan alam sekitar tanah air. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada anggota-anggota bomba dan pasukan keselamatan yang telah berusaha memadamkan api di beberapa tempat kebakaran terbuka di dalam dan luar negara. Keadaan alam sekitar kita terjejas teruk disebabkan pemotongan dan pembakaran hutan, pembukaan kawasan baru dan pembangunan, juga dengan bertambahnya jentera sama ada kenderaan awam termasuk jentolak yang digunakan di dalam kawasan pembalakan. Saya meminta Jabatan Alam Sekitar menyiasat kenderaan-kenderaan seperti lori dan jentolak termasuk jentera-jentera yang beroperasi di dalam hutan belantara diperiksa dan diuji tahap asapnya supaya pencemaran kepada udara di kawasan hutan dapat dikurangkan.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya berpendapat sampailah masanya pihak kerajaan memindahkan kuasa pembuangan sampah di merata tempat yang sekarang ini di bawah bidang kuasa kerajaan tempatan kepada Jabatan Alam Sekitar. Undang-undang mestilah dibuat kepada premis-premis bangunan dan hartanah yang tidak membersihkan atau membiarkan sampah sarap di kawasannya dikenakan tindakan undang-undang di bawah Akta Jabatan Alam Sekitar. Tenaga di Jabatan Alam Sekitar mestilah diberi sokongan undang-undang supaya tenaga penguatkuasaan dapat bertindak secara berkesan termasuk mengambil tindakan

mengambil alih peranan membersihkan kawasan-kawasan tercemar kerana sampah dan sebagainya. Dan kemudian tuntutan akan dibuat kepada tuan punya hartanah atau premis dan seterusnya Jabatan Alam Sekitar juga boleh mengambil tindakan kepada pihak berkuasa kerajaan tempatan seperti Dewan Bandaraya Kuala Lumpur jika terdapat kegagalan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur mengawal pencemaran alam sekitar di bawah bidang kuasa kawalannya seperti parit, longkang dan sampah-sarap.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang keenam saya ingin menyentuh peranan Malaysia di luar negeri khususnya kedutaan-kedutaan Malaysia yang terdapat di luar negara. Saya tidak menafikan terdapat duta-duta kita yang memainkan peranan berguna untuk negara dalam masa kegawatan ekonomi ini. Terdapatnya beberapa kunjungan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke negara-negara luar menunjukkan bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah berusaha untuk menerangkan keadaan negara ini dan seterusnya membuat tugas pemasaran barang-barang komoditi dan lain-lain produk negara.

Saya berpendapat telah tiba masanya tanggungjawab pemasaran ini dipertanggungjawabkan kepada MITI sahaja iaitu Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan dipikul bersama oleh duta-duta kita di luar negara. Duta-duta mestilah memainkan peranan yang lebih efisien dan bererti dalam meningkatkan penjualan barang-barang negara ini. Nilai seseorang duta yang berjaya mestilah diambil kira sejauh mana kejayaan perdagangan antara dua negara. Jika seseorang duta didapati waktu dia bertugas hasil perdagangan dengan negara itu berkurangan, seharusnya Kementerian Luar Negeri menukarkan duta tersebut. Keperluan seseorang duta hendaklah dibuat berdasarkan kepada kebolehnya masa lalu, bukan kerana kekananannya (seniority) di Kementerian Luar Negeri dan jika prestasinya yang terlalu menurun perlulah duta tersebut dipindahkan ke perkhidmatan ke dalam negeri. Sebaliknya jika seseorang itu mempunyai prestasi yang baik di dalam perkhidmatan dalam negeri betapa pun telah mencapai usia

wajib bersara perkhidmatannya bolehlah diberi secara kontrak ke dalam perkhidmatan ke luar negeri untuk menjadi duta.

Tuan Yang di-Pertua, banyak pegawai perkhidmatan dalam negeri di Kementerian Kewangan umpamanya dan lain-lain kementerian yang mempunyai kebolehan dan kepimpinan dihantar menjadi duta. Saya mengharapkan pihak Kementerian Luar mengubah fikiran daripada konsep monopoli duta-duta di kalangan mereka kepada perkhidmatan terbuka. Ini telah terbukti dengan nyata bahawa seseorang yang berkhidmat dengan Kementerian Luar Negeri untuk sekian lama akan berjaya dalam kerjayanya jika dipindahkan di perkhidmatan dalam negeri seperti yang berlaku kepada Y.Bhg. Tan Sri Dato' Abdul Halim Ali, Ketua Setiausaha Negara kerajaan hari ini yang telah pun menunjukkan prestasi yang cemerlang dan menyakinkan.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, perkara ketujuh yang ingin saya sentuh ialah hal-hal yang berkaitan dengan agama Islam. Saya ingin melahirkan rasa kebimbangan saya mengenai kejadian murtad yang semakin menjadi-jadi sejak kebelakangan ini yang kebanyakannya melibatkan saudara baru dan tidak kurang juga membabitkan mereka yang sedia dilahirkan sebagai orang Islam. Walaupun angka rasmi tidak diketahui dengan tepat tetapi dipercayai bilangan mereka yang murtad telah mencecah ke angka ribuan orang. Saya meminta Jabatan Agama Islam ataupun Pusat Islam mengesahkan perkara ini mengenai jumlah sebenarnya yang diperolehi daripada Jabatan Pendaftaran Negara untuk menukar agama dan nama mereka.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada Buletin Masjid Negara Bil. 14 bertarikh 22 Safar 1413 bersamaan 21 Ogos 1992 iaitu hampir 6 tahun yang lalu di mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah melahirkan rasa bimbang terhadap isu murtad dan dalam keluaran Suara Masjid Negara berikutnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyuarakan lagi iaitu usaha memurtadkan orang-orang Islam ini akan menggugat keselamatan negara dan beliau seterusnya juga mengingatkan umat Islam supaya ethnic cleansing yang

berlaku di Bosnia jangan pula sampai ke Malaysia dan dalam keluaran berikutnya pula beliau telah menyeru umat Islam di Malaysia mencontohi sifat-sifat Nabi Muhamad s.a.w. iaitu sifat-sifat yang empat; benar, amanah, menyampai dan bijaksana. Jelas di dalam hanya tiga keluaran sahaja yang sempat saya baca mesej yang disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu menunjukkan betapa prihatin dan kebimbangannya terhadap masa hadapan umat Islam di negara kita.

Saya ingin menyentuh peranan yang dimainkan oleh badan-badan agama Islam – YADIM (Yayasan Dakwah), YPEM (Yayasan Pembangunan Ekonomi), Jabatan Agama Islam Negeri-negeri, Pusat Islam, Perkim, Baitulmal, IKIM dan lain-lain badan dakwah dalam memulih dan meningkatkan syiar Islam di Malaysia. Memandangkan kegawatan suasana umat Islam hari ini seperti kemiskinan, kes-kes halal haram, murtad, keruntuhan moral dan salah laku belia-belia, kes dadah, buang anak, seks bebas dan sebagainya, saya rasa sudah sampai masanya pihak terbabit mencari alternatif baru meningkatkan syiar Islam dan membela keunggulan Islam.

Isu murtad yang kronik yang saya sebutkan tadi telah ditimbulkan sejak tahun 1992 lagi. Hingga kini tindakan mengatasinya masih ditahap sifar. Badan-badan yang mendakwa mendokong Islam tidak menunjukkan sebarang komitmen untuk membela umat Islam, sebagai contoh apabila disorongkan masalah pembelaan anak-anak ditinggalkan atau diabaikan oleh golongan murtad tidak ada pihak yang mahu mengambil tanggungjawab secara serius. Masing-masing menuding jari ke arah orang lain dengan alasan bukan di bawah bidang kuasa mereka. Akhirnya kes itu terabai begitu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut kata Encik Razif Tan Sri Zahir, Setiausaha Kehormat Persatuan Peguam-peguam Muslim Malaysia, yang saya petik dari majalah *Muslimah* keluaran bulan April 1998 iaitu bahawa di Wilayah Persekutuan telah pun ada satu deraf undang-undang mengenai murtad yang sudah hampir 10 tahun dibuat tetapi masih belum diluluskan. Persoalannya kenapa rang undang-undang itu tidak didedahkan dan dilaksanakan.

Isu halal haram yang ditenggelamtimbulkan di dalam arus tamadun alaf baru. Isu ini kerap dibincangkan terutama oleh Persatuan-persatuan Pengguna terutama di dalam Buletin Pengguna, Persatuan Pengguna Pulau Pinang yang telah menyenaraikan barangan yang diragui. Tetapi hingga kini tindakan pasti dari badan-badan Islam ini juga masih kita tunggu-tunggu dan menanti tindakan penyelesaian. Isu keruntuhan akhlak remaja yang sudah kronik juga perlu ubat penyelesaian. Isu mengenai keruntuhan akhlak remaja ini tidak pernah disuarakan dengan serius sama ada oleh YADIM, IKIM dan lain-lain. Oleh itu, di sini saya mencadangkan agar semua badan ini mengkaji semula peranan mereka dan jika perlu dikecilkan bilangannya tetapi dilebarkan sayap peranan dan fungsinya. Pihak JAKIM juga boleh mewujudkan satu badan berkecuali untuk menilai peranan sebenar mereka supaya pelaksanaan dan perancangan yang dirangka terlaksana secara kemas dan teratur.

Pada hemat saya, Baitul Mal dan Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YAPIM) mampu menjadi penggerak ekonomi dan membantu memulihkan krisis ekonomi negara dan ia juga boleh dijalankan dengan memajukan tanah-tanah milik secara sewa atau pajakan dan dapat dimanfaatkan bersama untuk suntikan modal kepada usahawan Muslim yang berpotensi dan mengagihkan wang zakat secara terancang supaya ia dapat menyelesaikan masalah kemiskinan masyarakat Islam keseluruhannya.

Dengan kata-kata itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih dan saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Haji Sairin bin Karno.

4.02 ptg.

Datuk Haji Sairin bin Karno: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya turut bangun untuk menyokong Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di mana Usul menyokong Titah Ucapan yang telah di bawa oleh Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin.

Tuan Yang di-Pertua, pelbagai isu yang sedang melanda negara kita sekarang seperti kegawatan ekonomi, masalah jerebu dan kekurangan bekalan air yang berlaku di seluruh negara mewajarkan kita berasa panik dan serba salah. Saya tidak berniat untuk mengingatkan perkara-perkara yang sudah diulang-ulang dan dibangkit oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Tetapi oleh kerana isu-isu yang saya sebutkan sebentar tadi amat penting, maka izinkan saya untuk menyampaikan beberapa pandangan dan cadangan yang mungkin dapat membantu negara menangani pelbagai masalah yang melanda negara sekarang. Sebelum itu izinkan saya menyentuh mengenai dengan negeri Sabah.

Sabah biasanya dinamakan, dengan izin, the land below the wind atau negeri di bawah bayu. Konotasi ini memberi gambaran bahawa keunikan Sabah bukan sahaja terletak pada keindahan alam semula jadinya, tetapi seperti yang dimaksudkan negeri di bawah bayu ini Sabah terlepas daripada segala bentuk bencana alam seperti ribut taufan dan sebagainya. Walau bagaimanapun, sejak akhir-akhir ini Sabah tidak boleh lagi dikatakan the land below the wind, tetapi the land above the wind. Saya katakan begini, Tuan Yang di-Pertua, kerana Sabah bukan sahaja bebas daripada segala bentuk bencana alam lagi, tetapi Sabah sekarang amat jauh berbeza daripada sebelumnya.

Pertama, Sabah bukan sahaja agak mundur berbanding dengan negeri-negeri lain di Malaysia, tetapi juga menghadapi pelbagai masalah yang kronik. Ini termasuklah masalah ekonomi, masalah politik, masalah sosio-budaya dan masalah pencemaran alam. Kita tentu masih ingat bahawa tragedi ribut Greg yang melanda Sabah pada tahun 1996 yang mengakibatkan beratus-ratus nyawa manusia hilang, rumah-rumah mereka hancur binasa, harta benda mereka musnah, serta kerosakan hasil pertanian dan ternakan yang bukan sedikit. Seperti di negeri-negeri lain di negara ini, Sabah juga mengalami zaman kekaburan apabila dilanda jerebu. Bahkan sekarang ini pun Sabah masih belum pulih daripada serangan jerebu ini. Dalam konteks perkembangan ekonomi pula, saya berbangga kerana sejak Barisan Nasional memerintah negeri Sabah, pembangunan di negeri itu semakin rancak. Di sana-sini kita lihat pelbagai kegiatan pembangunan dan aktiviti-aktiviti ekonomi yang menunjukkan Sabah kembali kepada landasan pembangunan yang sepatutnya.

Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya katakan tadi panggilan negeri di bawah bayu kepada Sabah nampaknya sudah berubah. Negeri Sabah bukan sahaja dilanda ribut Greg, tetapi keadaan cuaca yang tidak menentu di negeri itu menyebabkan wujud pelbagai masalah yang turut menjejaskan kehidupan penduduk. Umpamanya kemarau yang panjang di Sabah sejak awal tahun ini telah menyebabkan negeri itu mengalami kekurangan bekalan air hampir di seluruh negeri. Tetapi syukur, alhamdulillah, kerana atas bantuan Kerajaan Pusat, negeri Sabah telah dapat menyiapkan sebuah Empangan Babagun di negeri Sabah yang berhampiran dengan Kota Kinabalu. Dengan siapnya empangan itu, masalah air yang sering dialami oleh penduduk terutama di kawasan pantai barat Sabah telah dapat diatasi. Saya juga berharap Kerajaan Pusat akan terus memberi bantuan bagi meningkatkan bekalan air di Sabah, kerana masalah ini masih wujud di beberapa tempat terutama sekali di pantai barat Utara Sabah seperti Kudat dan Kota Kinabalu, Kuala Penyu dan Keningau.

Tuan Yang di-Pertua, pelbagai pihak telah pun mengemukakan pelbagai teori dan alasan mengenai sebab dan puncanya dari pengurusan bekalan air dan perancangan yang dikatakan kurang cepak sehingga kursus Crisis Management telah diadakan. Sebenarnya antara lain saya rasa yang menyebabkan hal ini ialah sikap pengguna yang boros dan banyak membazir. Pencurian air, projek-projek pembangunan dan pembersihan bukit yang tidak terkawal hinggalah kepada fenomena El-Nino dan La-Nina yang bersifat global. Di samping itu, tidak kurang pula pihak-pihak tertentu yang mengemukakan pelbagai teknik bagi mengatasi masalah kekurangan air serta tindakan-tindakan yang perlu diambil. Ini termasuklah solat sunat Hajat memohon hujan, sembahyang sunat Istisqa', memasang benteng dan empangan di sungai hinggalah kepada pembenihan awan yang memakan bukan sedikit kewangan dan pemindahan awan hujan yang canggih menelan belanja yang bukan sedikit.

Selain itu, Tuan Yang di-Pertua, ada juga pihak yang mengaitkan bekalan air ini dengan kerja pembalakan di kawasan hutan tadahan air. Memang tidak dapat dinafikan bahawa pembalakan ialah satu bentuk industri atau aktiviti ekonomi di mana pokok-pokok yang telah tumbuh beratus tahun dan didapati mempunyai nilai komersial ditebang dan dikeluarkan daripada kawasan terbabit. Dalam proses

pembalakan ini, setengah-setengah kawasan hutan yang dahulunya menjadi tadahan air telah terjejas dan mengakibatkan perubahan sistem ekologi kawasan hutan merosot, sementara alam sekitar semakin hari semakin tercemar. Sungai-sungai menjadi cetek dan seterusnya kering kontang, sawah ladang menjadi gersang, sementara hidupan sungai seperti ikan dan sebagainya hilang entah ke mana. Demikianlah sebahagian sebab dan punca yang menyebabkan negara kita dilanda masalah kekurangan air pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, tinjauan saya ke beberapa daerah di Sabah mendapati kebanyakan sungai kering yang bukan sahaja menyebabkan bekalan air terganggu, malah mengancam ekologi hutan setempat dan menjadikan mangsa kebakaran. Bukan itu sahaja, hasil tanaman pertanian bernilai beratus ribu ringgit juga musnah akibat ketiadaan air, sementara para penternak ikan air tawar pula menghadapi masalah apabila kolam-kolam mereka menjadi kering kontang. Yang paling menyedihkan ialah keadaan hidup sebilangan besar penduduk luar bandar yang majoritinya petani bukit dan padi sawah tidak dapat mengusahakan tanah-tanah mereka yang menjadi kering kontang akibat kemarau yang berlaku pada hari ini. Setengah-setengah penduduk luar bandar dan terpencil pula terpaksa bergantung kepada ubi kayu serta apa juga tumbuhan hutan yang boleh dimakan untuk survival.

Tuan Yang di-Pertua, ungkapan, dengan izin, 'when the going gets tough the tough gets going,' memang sesuai sangat digunakan bagi menggambarkan kesengsaraan hidup yang dialami oleh sebilangan besar penduduk luar bandar di negeri Sabah. Dalam hubungan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada beberapa badan bukan kerajaan iaitu NGO, terutama Yayasan Salam yang telah mengambil inisiatif untuk memberi bantuan makanan kepada penduduk yang terjejas teruk oleh kemarau. Pasukan Bomba daripada Semenanjung yang didatangkan khas juga, kita turut mengucapkan jutaan terima kasih atas inisiatif Kerajaan Persekutuan kerana menghantar pasukan Bomba untuk membantu memadamkan kebakaran yang berlaku hampir di seluruh negeri Sabah sehingga hari ini.

Begitu juga sumbangan pihak kerajaan negeri serta badan-badan lain yang turut memberi bantuan kepada penduduk-penduduk yang malang itu. Saya berharap bantuan kemanusiaan seperti ini akan diteruskan memandangkan masalah kemarau masih lagi melanda Sabah pada ketika ini. Sekali pun kemarau ini berakhir, penduduk terbabit hanya dapat mengharapkan hasil tanaman mereka beberapa bulan daripada sekarang khususnya di daerah Suk, Pitas, Kuala Penyu dan di beberapa tempat. Banyak perkara yang kita boleh jadikan iktibar di sebalik peristiwa malapetaka ini. Pertama, ia mengingatkan kita kepada tanggungjawab kita terhadap kepentingan memelihara alam sekitar, dan yang kedua mengingatkan kita bahawa kemusnahan alam sekitar ini antara lainnya diakibatkan oleh pembalakan tidak terkawal akan membawa kesan buruk kepada manusia itu sendiri. Yang ketiga, ia mengajar kita erti kesusahan apabila keperluan utama manusia seperti air menjadi kering. Bahkan terlalu banyak pengajaran dan iktibar yang kita perlu ambil daripada fenomena tersebut. Natijahnya ialah malapetaka yang sedang dialami kemungkinan adalah hasil daripada kecuaiannya dan kealpaannya kita sendiri.

Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap tidak ada pihak-pihak yang cuba membuat political mileage, dengan izin, menjadikan masalah yang kita hadapi sebagai satu polemic semata-mata. Adalah lebih baik jika semua Ahli Yang Berhormat termasuk pihak pembangkang menggembeleng tenaga dan fikiran untuk sama-sama memikirkan masalah ini serta mencari jalan untuk mengatasinya. Saya sebenarnya merasa bimbang dengan laporan sebuah akhbar di Sabah baru-baru ini, laporan itu yang memetik sumber Jabatan Kaji Cuaca menyebut tentang kemungkinan kejadian El-Nino akan berulang di negara ini, bahkan kesannya mungkin lebih buruk daripada apa yang kita hadapi sekarang ini.

Saya percaya laporan itu tidak bertujuan mencemaskan penduduk negara ini. Soalnya cemas ataupun tidak kita harus menerima hakikat bahawa kemungkinan ini memang ada. Jika demikian, apakah langkah-langkah yang perlu kita ambil sekarang terutama sekali untuk mengatasi krisis bekalan air, sedang sumber atau bekalan air berkait rapat dengan kepentingan alam sekitar, iaitu kawasan hutan yang menjadi punca tadahan air. Persoalan paling relevan di sini ialah wajarkah kegiatan pembalakan ini dihentikan sebagai suatu usaha ekonomi yang membabitkan sumber asli alam yang sungguh sensitif, iaitu ekosistem Hutan Hujan Tropika. Pembalakan jika tidak dapat dielakkan, perlulah dijalankan dengan perancangan yang teliti dan mematuhi nasihat pakar-pakar perhutanan.

Tuan Yang di-Pertua, hal-hal yang menjurus kepada pembalakan terkawal dan berimpak rendah (radius impact lodging) dan menggalakkan pemeliharaan sumber air dan sungai hendaklah diamalkan dan dikuatkuasakan sesungguhnya. Ini termasuklah mengamalkan penebangan berarah dan tidak memusnahkan anak-anak pokok yang bermutu tinggi, tidak menebang di kawasan tadahan air dan sentiasa mengambil kira kepentingan alam sekitar dan pemulihan sumber genetic dan biodiversity. Saya difahamkan bahawa kebanyakan negeri termasuk Sabah telah pun mengambil langkah untuk memenuhi peraturan pembalakan iaitu selaras dengan peraturan yang telah ditetapkan oleh ITTO.

Tuan Yang di-Pertua, dalam mengatasi kekurangan bekalan air terutama sekali pada musim kemarau, saya mencadangkan supaya langkah-langkah berikut dapat diambil perhatian. Pertama, meminta Jabatan Penyiasatan Kaji Bumi memperbanyakkan eksplorasi hidrogeologi untuk mencari sumber-sumber air bawah tanah. Langkah ini sangat perlu memandangkan di setengah-setengah tempat di negara ini khususnya di Sabah tidak mempunyai sungai yang boleh dijadikan empangan. Pilihan terbaik ialah mencari sumber air bawah tanah untuk membina perigi. Dan untuk rancangan ini, saya mencadangkan supaya Jabatan Penyiasatan Kaji Bumi diberi peruntukan yang wajar bagi menjalankan kerja-kerja eksplorasi di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, masalah kegawatan ekonomi sebagaimana yang kita sedia maklum Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan Malaysia, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim pada 10 Mei lepas berkata "Malaysia tidak akan mencapai kadar lebihan belanjawan seperti sebanyak RM6 bilion yang diperolehinya tahun lepas disebabkan kegawatan ekonomi." Beliau juga berkata, "Pertumbuhan ekonomi yang tinggi juga tidak akan dicapai tahun ini dan tahun hadapan

disebabkan masalah yang sama.” Kesimpulan kepada kenyataan Menteri Kewangan itu ialah kegawatan ekonomi yang kita hadapi sekarang tidak mungkin dapat dipulihkan dalam masa yang singkat. Oleh yang demikian, sementara kita berusaha keras untuk memulihkan ekonomi negara, kita juga terpaksa mencari sumber-sumber yang boleh meningkatkan hasil pendapatan negara.

Apa yang menarik perhatian saya, Tuan Yang di-Pertua, ialah kadar pertumbuhan ekonomi negara yang kurang memberangsangkan seperti yang digambarkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan kita sudah pasti akan memberi kesan-kesan sampingan. Keadaan ini sudah tentu akan menjejaskan sektor-sektor tertentu yang memerlukan suntikan peruntukan seperti meneruskan pembangunan kemudahan prasarana di seluruh negara terutama sekali di Sabah, seperti jalan raya-jalan raya, sekolah-sekolah, asrama-asrama desa, bekalan-bekalan elektrik, air terutama di kawasan-kawasan luar bandar.

Walau bagaimanapun, saya mempunyai keyakinan penuh bahawa Kerajaan Persekutuan di bawah pimpinan dinamik pemimpin yang kita kasihi, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad dan Timbalan Perdana Menteri Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim akan dapat meneruskan agenda negara untuk membela nasib rakyat pelbagai kaum di negara ini terutama sekali golongan miskin di luar bandar. Persoalan sekarang ialah bagaimanakah negara kita memperoleh sumber pendapatan baru, iaitu selain daripada sumber-sumber yang ada sekarang seperti sektor perhutanan, pertanian, perikanan, perlombongan, pembuatan dan sebagainya.

Dalam hubungan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya mempunyai beberapa cadangan. Menurut laporan BERNAMA yang tersiar di akhbar-akhbar pada 11 Mei lepas Sabah mempunyai potensi untuk mengeksploitasi galian logam seperti emas, tembaga, nikel dan besi sebagai sumber pendapatan baru. Menurut laporan itu lagi penyelidikan menyeluruh yang dilakukan oleh Jabatan Penyiasatan dan Kaji Bumi mendapati kawasan tengah di negeri Sabah mempunyai logam-logam berharga. Manakala galian industri seperti pasir, silika, batu kapur dan tanah liat boleh didapati di bahagian luarnya. Saya fikir kerajaan boleh menerokai potensi baru ini dengan syarat kegiatan eksplorasi atau perlombongannya terkawal serta berimpak rendah (radius impact minning), satu-satunya perlombongan tembaga di negeri itu yang masih aktif dikendalikan oleh Mahmud Copper Mine Sdn. Bhd. menyumbang lebih RM200 juta royalti kepada kerajaan negeri sejak beroperasi pada tahun 1975. Saya berharap Kerajaan Persekutuan akan mengambil inisiatif dan melihat beberapa hal ke arah mewujudkan dan melaksanakan perkara yang telah saya sebutkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh beberapa hal yang saya rasa telah disentuh oleh rakan-rakan dan barangkali perlu saya sebut kembali kerana ini juga saya lihat sehingga hari ini beberapa hal ini belum diambil tindakan. Sebagai contoh, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna yang telah menjanjikan untuk mengurangkan harga barang di pedalaman di negeri Sabah, terutama di daerah Keningau pada suatu ketika dahulu telah dijanjikan dengan pegawai penguatkuasaan yang mana ianya telah berlaku sehingga enam tahun daripada sekarang sehingga hari

ini petugas-petugas berkenaan masih belum wujud. Kita faham meskipun dalam kegawatan ekonomi, tetapi perkara ini perlu diambil perhatian kerana akhirnya orang-orang di pendesaan, orang-orang kampunglah yang menderita kerana penjual-penjual barangan di situ menaikkan harga barang sesuka hati. Saya memohon kepada kementerian agar mempertimbangkan - tidak ramai, barangkali cuma seorang pun kalau dapat, kalau lebih elok dua orang untuk ditempatkan di daerah pedalaman yang termasuk di situ kawasan Tambunan, Suk, Nabawan, Pensiangan, Tenom dan Kemabu. Saya rasa wajarlah seorang pegawai khas ditugaskan di tempat itu.

Mengenai dengan Kementerian Pendidikan, saya juga telah mengemukakan satu soalan di mana sebuah sekolah yang terletak di pedalaman Sabah yang jauhnya lebih kurang 230 kilometer daripada Kota Kinabalu. Sekolah ini ialah Sekolah Menengah Nabawan mempunyai 1,170 orang murid dan mempunyai asrama yang dihuni oleh lebih kurang 400 murid dan satu-satunya sekolah menengah terletak di Pensiangan, Sabah di mana sekolah ini saya difahamkan telah diturunkan grednya, daripada gred A ke gred B. Kemudian sebuah sekolah yang terletak 20 kilometer daripada pekan Keningau, iaitu S.M.K. Apin-apin tidak mempunyai asrama yang hanya mempunyai 759 pelajar telah dinaik taraf daripada gred B ke gred A. Menurut jawapan yang saya terima ia menyatakan bahawa tidak ada syarat-syarat yang dinyatakan di sini tidak memenuhi spesifikasi yang telah diberikan kepada soalan asal saya. Jadi, saya mohon Kementerian Pendidikan agar melihat ini sebagai satu perkara yang serius kerana rata-rata masyarakat di Pensiangan merasakan seolah-olah mereka telah dianaktirikan. Jadi, saya mohon seandainya benar bahawa sekolah ini telah diturunkan gred daripada gred A kepada gred B, saya mohon supaya ia dikembalikan kepada gred asalnya.

Seperkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, kita sedia maklum bahawa pendidikan adalah merupakan satu cara untuk membolehkan masyarakat kita akan mencapai apa yang kita panggil Wawasan 2020 yang diilhamkan oleh Perdana Menteri kita. Satu ketika semasa saya berada di sebuah kampung yang bernama Kampung Kabu, jalan kaki daripada jalan raya berhampiran dengan kampung itu memakan masa lebih kurang enam jam. Maknanya, kalau pergi balik 12 jam. Orang itu bertanya kepada saya, apakah pada tahun 2020 nasib kami akan terus seperti ini. Bayangkan bagaimana kita menjawab soalan seumpama ini seandainya pendidikan kita tidak utamakan di situ. Meskipun penduduk di Kampung Kabu hanya 115 orang dan mempunyai anak-anak yang lebih kurang dalam 40 hingga 50 kanak-kanak, tetapi saya rasa perlu kita wujudkan sekolah. Saya berterima kasih kepada Dato' Sri Najib Tun Razak apabila perkara ini saya kemukakan kepada beliau, beliau bersetuju, namun saya mohon supaya pelaksanaan dapat dipercepatkan sedikit.

Begitu juga dengan asrama-asrama desa, kita sedia maklum bukan sahaja di Sabah, malah di Sarawak dan di pedalaman-pedalaman di seluruh negara memerlukan asrama-asrama desa untuk membolehkan anak-anak kita mencapai pendidikan yang lebih bagus seperti anak-anak yang terdapat sekolah-sekolah bestari yang telah diwujudkan. Untuk makluman, Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa sekolah di kawasan pedalaman, terutama di kawasan saya di sebelah Keningau mempunyai kelulusan

UPSR yang kosong. Maknanya, tidak ada seorang murid pun yang lulus, bayangkan. Kita salahkan guru, saya rasa tidak patut juga. Kita salahkan anak-anak tidak patut juga. Jadi, saya bukan menyalahkan pendidikan. Tetapi saya rasa cara penyelesaiannya saya ingin mencadangkan supaya seperti yang telah dijanjikan oleh Kementerian Pendidikan satu ketika dahulu diperbanyakkan sekolah-sekolah asrama desa di bahagian-bahagian atau di tempat-tempat seperti itu dan saya yakin masalah kosong kelulusan UPSR di situ akan dapat diatasi. Jadi, inilah antara yang saya mohon kepada Kementerian Pendidikan mudah-mudahan ianya dapat dilaksanakan selain daripada peruntukan pembaikan bangunan-bangunan sekolah yang semakin hari semakin uzur dan juga rumah-rumah guru sebagaimana yang telah dijanjikan oleh Kementerian Pendidikan satu ketika dahulu.

Saya juga ingin menyentuh mengenai dengan pertanian. Kita sedia maklum bahawa pertanian merupakan salah satu tulang belakang pendapatan keluarga dan di samping saya juga ingin mencadangkan supaya tanah-tanah terbiar - saya tahu bahawa kebanyakan tanah-tanah ini terutama di Sabah dan Sarawak di bawah jagaan kerajaan negeri, tetapi saya mohon supaya Kementerian Pertanian memberi peruntukan kepada kementerian-kementerian berkenaan terutama di Sabah dan Sarawak untuk membolehkan supaya tanah-tanah kosong yang begitu luas di Sabah dapat diusahakan.

Saya hairan sebuah penempatan di Nabawan, sebenarnya ketua masyarakat ada di atas, sebelah kiri ini adalah ketua-ketua masyarakat daripada Nabawan. Mereka sudah mengharapkan sejak merdeka. Sebuah skim telah diwujudkan di situ, dan sudah hampir 20 tahun lebih belum ada apa-apa kejayaan yang dilaksanakan. Saya rasa ini bermakna bahawa Kementerian Pertanian harus melihat ini dan terpaksa ikut campur bagi membolehkan satu perancangan yang boleh menaikkan ekonomi masyarakat di situ, sebab kita sudah terlalu lama menunggu. Masyarakat di daerah pedalaman terutama di Nabawan, Pensiangan telah terlalu lama menunggu, dan untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, FELCRA juga telah wujud di situ, tetapi saya tidak tahu kenapa agak lambat, mungkin kerana akibat kemarau ini, tetapi kita berharap FELCRA juga akan dapat segera melaksanakan apa yang telah mereka janjikan kepada masyarakat di situ. Jadi, untuk itu saya mohon Kementerian Pertanian untuk melihat secara global negeri Sabah ini dapat diusahakan apa juga jenis tanaman atau bentuk buah-buahan atau apa juga perusahaan yang boleh dilaksanakan di negeri itu.

Satu ketika dahulu saya melawat di sebuah negara jiran kita iaitu Thailand. Saya tidak tahu kalau boleh kita contohi cara pertanian negara Thailand, di mana saya melihat bahawa durian mereka tidak mempunyai musim. Maknanya dalam satu bulan yang sama ia berputik katakanlah 100 ekar dan yang 100 ekar sedang berbuah, yang 200 ekar sedang luruh, begitulah. Saya tidak tahu macam mana yang dibuat. Kemudian, saya terlihat satu tempat tanaman papaya di negara Thailand, ianya sekali berbuah kemudian sekali masak. Saya nampak teknologi ini belum sampai ke negara ini. Jadi, saya mencadangkan kepada Kementerian Pertanian seandainya ini belum terlaksana di negara kita kenapa tidak kita belajar daripada Thailand, kita laksanakan perkara itu. Saya juga dapat risikan daripada kawan-kawan bahawa ramai kawan juga yang telah menyatakan tentang cadangan ini. Jadi, tidak salah kita

belajar daripada negara-negara yang telah mempunyai teknologi yang lebih canggih daripada kita. Kita tidak malu mengakui kekurangan kita, kita belajar daripada kesilapan kita, mudah-mudahan satu masa kita akan mengatasi negara jiran kita ini.

Saya juga seperti kawan-kawan lain ingin menyentuh mengenai Kementerian Penerangan. Saya amat bersetuju supaya RTM Saluran Satu ini kalau pun tidak dapat kita tiadakan iklan-iklan, kita kurangkan iklan, kita banyakkkan rancangan mengenai apa yang kerajaan telah buat atau apa yang sedang dibuat oleh kerajaan, apa yang sudah dibuat oleh kerajaan, apa rancangan jangka panjang, jangka pendek, jangka sederhana kerajaan. Saya amat bersetuju supaya RTM Saluran Satu ini dapat terus memainkan peranannya, tidak seperti sekarang ini seolah-olah berlumba-lumba RTM1 dan RTM2 untuk menyiarkan berbagai-bagai iklan. Jadi, di Sabah ini kita berterima kasih kepada kerajaan kerana kita sudah ada TV Saluran Tujuh, walaupun belum begitu bagus tetapi saya rasa ini memakan sedikit waktu untuk memperbaikinya. Tetapi apa yang saya sebut ini RTM sebetulnya di Sabah terutama yang selalu saya sebut sebelah Kinabatangan, di Beluran, di Long Parsia, di Pensiangan TV belum lagi dapat baik Saluran Satu, baik Saluran Dua, apa lagi Saluran Tiga yang memang belum separuh di negeri Sabah yang mendapat siaran daripada saluran-saluran ini. Jadi, satu ketika dahulu saya pernah bertanya kalau orang membeli televisyen tetapi tidak mendapat apa-apa siaran, dia hendak guna parabola tidak dibolehkan kecuali menggunakan parabola yang dibenarkan. Malangnya, di kawasan pedalaman menggunakan itu pun tidak boleh, hanya seperti yang telah dibenarkan oleh kerajaan.

Jadi, saya mencadangkan supaya mana-mana kawasan yang tidak dapat siaran langsung kalau pun barangkali boleh dengan menggunakan - saya sudah lupa, Tuan Yang di-Pertua, yang boleh mendapat siaran melalui satelit ini. Tetapi kalau di pedalaman macam mana mereka bayar, satu bulan mereka kena bayar RM80. Lewat bayar tambah RM10.

Seorang Ahli: Astro.

Datuk Haji Sairin bin Kar no: Astro, terima kasih Yang Berhormat. Jadi, kalau orang kampung, orang di pedalaman, macam mana dia bayar RM80 satu bulan. Lewat bayar jadi RM90, lewat bayar lagi terus kena potong. Jadi, saya rasa kalau mereka ini membeli peti-peti televisyen jangan kenakan lesen, sebab mereka hanya menggunakan video kaset untuk melihat apa-apa rancangan dan sebagainya.

Jadi saya mohon kepada Kementerian Penerangan supaya percepatkanlah sebab perkara ini pun sudah dua, tiga tahun yang lalu. Semenjak saya tinggal di sini perkara ini sudah berulang-ulang diminta oleh orang-orang yang tidak mendapat siaran ini demi untuk kebaikan orang-orang di pedalaman di seluruh negara ini percepatkan, kalau boleh. Satelit kita telah dilancarkan sehingga hari ini kalau di Pensiangan di manapun jangkakan TV3 TV1 pun belum dapat. Jadi kita minta supaya perkara ini dipercepatkan dan baru-baru ini, secara kebetulan saya

berkesempatan ke Los Angeles bersama dengan Yang Berhormat Dato' Seri Rafidah Aziz, saya melihat bahawa nampaknya kejayaan negara kita dicemburui oleh negara-negara maju saya tidak mahu sebut satu persatu. Tetapi nampaknya kita kena hentam. Bila kita kena hentam, kena hentam tidak ada orang yang cuba melindungi kita. Kita tidak ada kuasa. Kita siarkan dalam surat khabar memang tidak disiarkan seperti juga yang berlaku di London. Kita punya kisah-kisah 13 Mei yang tidak tahu beberapa puluh tahun tiba-tiba masuk dalam mereka punya siaran. Saya tidak tahu macam mana ini boleh berlaku.

Jadi saya mencadangkan supaya duta-duta kita seperti ada seorang duta yang telah melakukan ini, ada sahaja masalah ini mereka orang pertama yang mengatasi masalah ini. Apa salah? Melalui siaran akhbarkah atau melalui apa juga sehingga mereka boleh mengatasi masalah ini. Tidak perlulah kita punya Menteri Penerangan, kita punya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri-menteri kita bersusah payah datang ke sana. Kita ada duta, merekalah yang menangani masalah ini. Walaupun saya tidak begitu arif dengan tugas-tugas duta tetapi sepengetahuan saya duta ini antara lain ialah menjaga nama, mengharumkan nama negara kita. Then secara.....

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat berapa panjang lagi?

Datuk Haji Sairin bin Karno: Tuan Yang di-Pertua, sedikit lagi. Satu lagi mengenai dengan kempen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat bahawa Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar ini terlalu keberatan. Kalau boleh saya cadangkan, maksud saya terlalu 'keberatan'. Kita sudah ke alaf baru ini dan kita memang memerlukan sains dan teknologi ini adalah antara sembilan cabaran yang digaris oleh Yang Amat Berhormat ke arah Wawasan 2020.

Jadi saya ingin cadangkan supaya Kementerian ini dipisahkan. Walaupun barangkali dalam kegawatan ekonomi tetapi saya yakin kalau tidak sekarang pun akan datang supaya wujudkan 'Menteri Sains dan Teknologi' satu sahaja, kemudian 'Menteri Alam Sekitar' satu. Maknanya kita terpaksa wujudkan satu kementerian

baru yang akan dijaga oleh menteri yang dilantik oleh kerajaan iaitu 'Menteri Alam Sekitar'. Sebagaimana yang saya sebut tadi banyak permasalahan yang timbul mengenai dengan alam sekitar ini. Jadi sudah wajarlah, sudah waktunya ini dapat difikirkan. Kalau boleh satu 'Menteri Sains dan Teknologi' secara sendiri dan wujudkan satu kementerian baru iaitu 'Menteri Alam Sekitar'.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh dengan Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Dalam sesi soal jawab tadi saya telah sebut bahawa PPRT, saya berterima kasih dengan Kerajaan Persekutuan melalui kementerian ini telah banyak menukar keadaan senario hidup rakyat miskin di Sabah apabila diberi bantuan PPRT. Termasuklah pembinaan rumah-rumah mereka. Saya mohonlah sebab ini dijanjikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dahulu Yang Amat Berhormat Tun Ghafar Baba, walaupun barangkali tidak ada hitam putih yang beliau katakan maklum kadang-kadang dalam politik macam-macam terpaksa digunakan. Jadi saya mohon apa juga 165 buah rumah sedangkan yang telah dibuat lebih kurang 42,000 buah, sudah begitu banyak. Jadi mustahil 165 rumah buah ini tidak dapat dicari jalan bagaimana untuk membayar. Orang sudah tinggal di situ malah ada yang rumah itu sudah dimakan usia. Jadi kita minta supaya perkara ini dapat diatasi. Kalaupun barangkali Kementerian Pembangunan Luar Bandar tidak dapat membantu mengatasi perkara ini, saya mohon Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan membantu pihak kami terutama sekali di negeri Sabah ini, mana yang belum selesai sebab Yang Amat Berhormat juga pernah berjanji sebenarnya selesaikan melalui Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Jadi kalau Kementerian Pembangunan Luar Bandar pun tidak selesai, kepada siapa lagi kita minta. Tidak lain kepada Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan.

Saya mohon supaya hal-hal yang tertinggal ini jangan ditinggalkan begitu sahaja dan minta supaya ianya dapat diselesaikan. Terakhir sekali ialah kepada Kementerian Sumber Manusia. Saya mendapat aduan daripada rakan-rakan rakyat Malaysia di negeri Sabah ada beberapa syarikat gergasi di Sabah yang wujud.

Apabila ianya wujud ia mengambil pekerja daripada rakyat Malaysia dari negeri Sabah. Saya tidak tahu bagaimana maklumlah masalah-masalah orang kampung ini kadang-kadang kerja, memang ada masanya cuti kerana dekat dengan kampung dia. Macam-macam masalah kemudian apabila mereka ini diberhentikan nama mereka tidak dipotong tetapi apabila tiba-tiba mereka memohon pekerjaan dikatakan sudah penuh. Siapa yang memenuhi, nama orang-orang Malaysia ini, orang-orang bumiputera ini masih ada di situ. Diisikan oleh orang-orang luar dari Malaysia bekerja di situ. Maksudnya mengambil nama atas nama bumiputera, atas nama rakyat Malaysia. Jadi saya mohon supaya Kementerian Sumber Manusia ini menyiasat perkara ini. Kalau memang benar ini berlaku saya mohon supaya perkara ini diambil tindakan walaupun dalam kegawatan ekonomi tetapi inilah masanya untuk kerajaan kita mengambil tindakan jangan tunggu nasi sudah jadi bubur baru diambil tindakan.

Jadi dengan kata-kata itu saya dengan ini menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tan Swee Hueng.

4.36 ptg.

Tuan Tan Swee Hueng: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk mengambil bahagian dan seterusnya untuk menyokong Usul. Saya merakamkan berbilang-banyak syukur dan terima kasih di atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa membuka Penggal Keempat Parlimen Kesembilan yang dicadang dan disokong oleh rakan-rakan saya iaitu Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin dan Yang Berhormat Dato' Chet Singh.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia sudah menikmati peningkatan ekonomi selama 10 tahun dan inilah hasil kerjasama kerajaan yang kukuh dan rakyat yang bertanggungjawab yang selalu menyokong kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, sejak bulan Jun tahun lepas dalam masa yang sangat singkat negara kita telah menghadapi kemerosotan pasaran saham, kejatuhan nilai

mata wang kita dan diikuti dengan masalah kekurangan air, jerebu dan kelambatan pembukaan KLIA.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon semua rakyat agar bersabar dan berdiri teguh di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita Dato' Seri Anwar bin Ibrahim untuk mengatasi cabaran-cabaran krisis sekarang.

Saya juga memohon tiap-tiap menteri, timbalan menteri, setiausaha parlimen, ketua setiausaha, ketua pengarah dan kakitangan-kakitangan kerajaan berkhidmat dengan penuh disiplin, kejujuran dan meningkatkan produktiviti untuk negara kita. Kita semua patut jauhi daripada rasuah, jauhi daripada ketamakan dan jauhi daripada membohong diri sendiri. Saya berdiri di Dewan yang mulia ini bukan untuk mengkritik sesiapa pun. Akan tetapi kita patut mengkaji semula tindakan-tindakan kita semua dalam kerajaan mahupun di luar kerajaan. Adakah tindakan yang dijalankan akan membantu negara mengatasi cabaran semasa. Kita juga mesti mengkaji semula adakah tindakan kita akan menghancurkan rancangan-rancangan kerajaan untuk memulihkan ekonomi kita. Tiap-tiap kakitangan kerajaan mestilah mengambil langkah-langkah yang positif supaya meningkatkan produktiviti. Contohnya jikalau boleh jangan kerja 8.00 pagi hingga 5.00 petang sahaja, kalau boleh kerja lebih. Ini akan menunjukkan kita semua di dalam kerajaan jujur untuk mengatasi masalah-masalah sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini kita perlu menghadapi kenyataan dengan izin, what is wrong is wrong, what is right is right. There is no such thing as two wrongs make one right.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun yang lepas saya mengesyorkan agensi-agensi kerajaan dan syarikat-syarikat berkaitan dengan kerajaan negeri mengurangkan anggota-anggota pengarah mereka dan anggota-anggota politik, anak syarikat negeri dengan sukarela meletakkan jawatan sebab itu akan menunjukkan kita semua jujur untuk mengatasi keruntuhan kepercayaan kepada

kita oleh rakyat jelata. Saya biasa dengar, Tuan Yang di-Pertua, dia duduk di sana bukan apa sebab-sebab dia duduk sana kerana sebab politik. Bukan dia pandai, ada yang lebih pandai dari dia. Saya rasa statement ini negatif akan tetapi apa salahnya kalau kita kaji balik statement itu dan kaji balik tindakan kita. Saya juga biasa berkata “avoid shortcut, learn from others mistake”, sebelum kemerosotan ekonomi. In business today, too many executives spend money they haven't earn, dengan izin. Inipun banyak orang rasa statement ini negatif. Akan tetapi apa salah jikalau kita semua kaji semula. Betulkah statement ini?

Tuan Yang di-Pertua, pada April tahun dahulu BSKL komposit indeks ialah 1,218 point dan hari ini komposit indeks baru 560 point. Penurunan lebih kurang 55% dan mengikut pasaran capitalisation lebih daripada setengah telah di'wipe out' dengan izin. Tuan Yang di-Pertua, mengapa peristiwa ini boleh berlaku. Sebab apa masalah ini boleh berlaku dalam masa yang sangat singkat banyak orang dengan izin, was caught with the pens down.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kita semua perlu mengambil langkah-langkah yang positif dan jujur untuk menyelidik, menyiasat dan memeriksa sistem perbankan kita, BSKL, Bank Negara, ahli korporat, syarikat korporat, pergantungan kepada offshore loan termasuk integriti kita semua. “Some were not interested in managing their businesses but instead used company asset to finance loans in the buying of the chair and for their conspicuous consumption”, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, sudah 10 tahun kita menghadapi pertumbuhan ekonomi yang pesat dan dalam masa yang sama juga Malaysia telah melahirkan beribu-ribu jutawan baru yang hidup dengan senang dan mewah atas kejayaan polisi-polisi kerajaan kita. Akan tetapi sekarang ini ada pula dalam kumpulan ini sudah menjadi insolvent, dengan izin. Tuan Yang di-Pertua, bolehkah kumpulan ini berdikari dan 'take the bitter medicine', dengan izin. 'Don't cry over spill milk'. Jangan tuduh sesiapa dan mana-mana pihak, salahkan diri kita sendiri

dahulu. Bangun semula, jangan bergantung kepada kerajaan untuk membantu. Kita semua perlu ada semangat untuk mengatasi cabaran ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan ini menyentuh sedikit mengenai pendidikan. Tuan Yang di-Pertua, dalam bidang pendidikan saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan atas meluaskan dan meningkatkan reformasi pendidikan. Saya dengan penuh harapan agar Kementerian Pendidikan akan juga menambahkan kemudahan pendidikan bukan sahaja dalam vokasional dan teknikal akan tetapi dalam bidang komputer dan teknologi tinggi. Saya juga harap kerajaan menambahkan peluang-peluang pendidikan tinggi di institusi-institusi pendidikan tinggi awam dan swasta dan menaikkan taraf kolej-kolej yang sedia ada yang patut dinaikkan ke taraf universiti.

Tuan Yang di-Pertua, jangan ada murid-murid yang lulus dengan cemerlang masih tidak mendapat peluang untuk memasuki universiti awam. Ini mustahak supaya negara berjimat dalam foreign exchange dan langkah ini akan menjadikan lebih negara kita sama rata dengan negara yang maju dalam bidang pendidikan tinggi dan kemahiran. Walaupun negara kita ini dalam kemerosotan ekonomi, namun di seluruh dunia sekarang mahupun di Asia, Eropah dan Amerika Syarikat telah mengalami transformasi dalam semua aspek kehidupan dan perkembangan globalisasi dalam bidang komputer terhadap dunia paperless or peopleless. Kerajaan mesti mengambil langkah membuat persiapan terhadap cabaran baru ini dan melahirkan satu generasi muda baru untuk mencapai taraf lebih maju atau sekurang-kurangnya sama taraf dengan negara yang maju.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan Barisan Nasional untuk melahirkan dan menyediakan generasi muda dan golongan belia pendidikan tinggi mestilah diikuti dengan usaha-usaha mengatasi masalah yang ditemui sekarang iaitu keruntuhan akhlak, masalah etika, masalah agama, masalah membalas budi, masalah hormat menghormati, patriotisme dan lain-lain lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengambil peluang ini untuk menyentuh sedikit mengenai inflasi dan penswastaan. Dari segi inflasi penekanan perlu diberi

ke atas masalah-masalah kerana inflasi ini selalu mengorbankan rakyat jelata khasnya masa sekarang. Tuan Yang di-Pertua, saya rasa sedih apabila mendengar menteri dan timbalan menteri atau setiausaha kementerian apabila menjawab soalan dalam Dewan yang mulia ini mengenai kenaikan harga barangan, elektrik, tol, telefon dan tarif. Mereka selalu mengatakan bahawa kenaikan apa-apa barang sahaja lebih murah berbanding dengan negara jiran atau negara Jepun. Tuan Yang di-Pertua, ini Malaysia ini bukan Jepun. Keadaan di Jepun atau di negara jiran tidak serupa dengan keadaan di sini.

Saya juga ingin ambil peluang untuk memberitahu terdapat juga di Malaysia sekarang ada tempat perkhidmatan awam yang sudah mengurangkan tenaga sampai lebih kurang setengah tetapi servisnya bertambah berlipat ganda dan hargapun tidak naik beberapa tahun berturut-turut. Contohnya ialah Port Klang.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap tiap-tiap kementerian memperketatkan kawalan mereka supaya harga juga jangan naik sewenang-wenangnya, misalnya ubat, servis ubatan, barangan tempatan dan services. Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan kempen beli barangan buatan Malaysia dan pelancongan dalam negeri. Tetapi saya harap kempen ini dapat bekerjasama dengan sektor swasta dan pengilang. Tuan Yang di-Pertua, jangan-jangan apabila Tuan Yang di-Pertua sampai ke Pulau Pinang makan sepiring pasembor berharga RM45.00, semangkuk kue-teow sup berharga RM12.00. Untuk makluman, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa hairan mengapa barangan import lebih murah daripada barangan tempatan. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk membangkitkan masalah pembaziran dan kekurangan sopan. Saya rasa sedih dan kecewa apabila saya nampak pegawai kerajaan yang tidak proaktif dan tidak bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, di tempat awam kadang-kadang kita nampak ada pegawai yang kerja sampai hendak pengsan, 'setengah mampus' akan tetapi ada yang buat tidak apa. Bila ditanya, jawapan tidak tahu, lagi tanya, kalau tidak puashati tanya menteri saya. Saya berharap Tuan Yang di-Pertua, tidak kira bekerja di swasta atau perkhidmatan awam memainkan peranan mereka supaya

tidak memberi orang luar salah faham dan merasa kita sombong dan sikap kita tidak mempedulikan perasaan orang awam.

Tuan Yang di-Pertua, ini bukan sahaja akan menjatuhkan imej kerajaan akan tetapi juga membazirkan tenaga kerajaan jikalau tidak puas hati dengan kerajaan dan kerja mereka jangan jadikan liability kerajaan, letak jawatan lebih baik. Tuan Yang di-Pertua, saya perlu juga hendak merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada pegawai-pegawai kerajaan yang bekerja bersungguh-sungguh dengan penuh disiplin dan kejujuran. Ada juga yang recycle envelope, ada yang recycle kertas untuk berjimat dan tidak membazir.

Tuan Yang di-Pertua, tidak dinafikan masalah penswastan telah memberi kita semua kemajuan dan pertumbuhan ekonomi dan khasnya meringankan tanggungjawab kerajaan. Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, nampaknya penswastan juga menjadi contributory, dengan izin kepada inflasi. Tuan Yang di-Pertua, saya biasa dengar di kedai kopi dan di tempat awam, di merata-rata tempat sudah menjadi tradisi Malaysia sekarang ini apa-apa yang diswastakan harga akan naik sewenang-wenangnya. Tuan Yang di-Pertua, tujuan asal penswastan ialah meringankan tanggungjawab kerajaan, itu kita sokong 100 peratus akan tetapi janganlah mengorbankan kepentingan rakyat jelata yang berpendapatan rendah dan khasnya pada masa sekarang. Di sebelah tangan kerajaan meletakkan inflasi dan di sebelah tangan pula pihak swasta menaikkan harga dengan tidak bertimbang rasa kepada rakyat jelata seterusnya kepada kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, syarikat-syarikat ini juga yang serupa 'kacang melupakan kulit' pada masa kini meminta tolong daripada kerajaan untuk memulihkan syarikat mereka. Tuan Yang di-Pertua, saya kerap membangkitkan di Dewan yang mulia ini agar syarikat-syarikat korporat selepas mendapat keuntungan banyak diharap menurunkan sedikit keuntungan mereka kepada masyarakat. Saya juga mengharap mereka jangan menjadi sombong sampai tidak menghormati kerajaan dan pemimpin-pemimpin kita, mereka jangan lupa tiada kerajaan tiada mereka juga. Mereka merupakan bite the hands that feed them,

dengan izin dan sekarang kerajaan dengan susah payah juga menolong mereka. Tuan Yang di-Pertua, saya mengesyorkan sekali lagi tiap-tiap rakyat dapat menyertai projek raksasa yang dirancangkan oleh kerajaan yang akan memberi keuntungan walaupun sedikit, boleh mencerminkan kerajaan kita, Kerajaan Malaysia iaitu satu kerajaan yang memandang berat kepada keperluan semua lapisan masyarakat. Kerajaan juga yang akan mewujudkan satu masyarakat yang seimbang dan adil untuk kestabilan politik, sosial dan khasnya integrasi di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini saya percaya dari segi banking, faedah telah naik sampai ada yang lebih 11 peratus dan kini menunjukkan lebih tinggi daripada dividen yang dibayar oleh KWSP dan baru-baru ini KWSP meminjam wang sampai berbilion-bilion dengan faedah yang kurang daripada bank-bank tempatan. Tuan Yang di-Pertua, lebih baik KWSP simpan wang pekerja di bank-bank dan dapat faedah lebih tinggi dan bagi bank-bank tersebut membuat pinjaman kepada mana-mana pihak yang berminat. Dengan cadangan seperti itu, kini KWSP akan juga dapat memberi dividen yang lebih tinggi kepada pekerja. Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya rasa kita tidak perlu 'go on the witch hunt' akan tetapi 'we should go on the soul searching', dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang datanglah masanya rakyat yang taat setia ini untuk menunjukkan semangat patriotisme mereka. Tuan Yang di-Pertua, mengenai IMF, saya menyokong penuh langkah kerajaan supaya kita tidak meminta bantuan daripada IMF. Walau bagaimana susah pun, Malaysia pasti boleh mengatasi cabaran yang ditempo hisekarang, akan tetapi tiap-tiap rakyat Malaysia mesti memainkan peranan mereka, jikalau kita semua mahu memulihkan ekonomi negara kita, kita mesti tampil ke hadapan dan menyokong penuh tindakan-tindakan positif walaupun pahit. Saya percaya di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Mahathir dan Timbalan Perdana Menteri Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim dan anggota-anggota kabinetnya kita akan berjaya untuk mengembalikan kepercayaan Malaysia yang kita cintai.

Tuan Yang di-Pertua, sekali saya mohon setiap rakyat sekalian supaya menjalankan tugas kewajipan dan tanggungjawab mereka dengan penuh disiplin, penuh dedikasi, penuh kejujuran demi kepentingan negara kita Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon menyokong penuh Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Terima Kasih.

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua: Saya minta Yang Berhormat Tuan S. Parasuraman. Banyak Ahli baru belum memberi ucapan.

Tuan S. Parasuraman a/l Sanasamy: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya berucap dalam Dewan yang mulia ini atas Ucapan Baginda Yang di-Pertuan Agong. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Presiden parti MIC, Yang Berhormat Dato' Seri S. Samy Vellu dan Menteri Besar Negeri Kedah Darul Aman, Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Seri Sanusi bin Junid memilih saya sebagai Ahli Dewan Negara.

Tuan Yang di-Pertua, seluruh rantau Asia termasuk negara kita kini menghadapi masalah kegawatan ekonomi namun atas berkat dan usaha Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri kita, negara kita masih dapat mengimbangi kestabilan ekonomi dengan bantuan sumber ekonomi, sektor pertanian dan peladangan khususnya. Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih dan syabas kepada pucuk pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad.

Tuan Yang di-Pertua, bidang pendidikan negara kita telah mengalami banyak perubahan setelah Yang Berhormat Dato' Seri Najib menjadi Menteri Pendidikan. Berbagai program baru telah dilaksanakan di bidang pendidikan seperti penggunaan komputer, sekolah bestari, penggunaan Internet dan sebagainya tetapi semua program ini hanya tertumpu di kawasan bandar sahaja. Saya meminta kementerian berkenaan melanjutkan semua program ini ke sekolah-sekolah luar bandar khususnya sekolah-sekolah yang terletak di ladang-

ladang. Walaupun perubahan drastik berlaku dalam bidang pendidikan negara namun status sekolah-sekolah Tamil masih tidak banyak mengalami perubahan. Masih terdapat sekolah-sekolah Tamil di ladang-ladang tidak mempunyai kemudahan-kemudahan asas seperti air, elektrik, perkhidmatan kesihatan dan sebagainya. Kemudahan sistem pengangkutan jalan di ladang-ladang masih dalam keadaan kurang menyenangkan. Dianggarkan lebih dari 98 peratus jalan-jalan di ladang ialah jalan tanah merah, khususnya di negeri Kedah. Pelajar-pelajar ke sekolah di kawasan ladang-ladang berada dalam keadaan kurang bersih terutama pakaian dan kasut mereka. Saya meminta kementerian berkenaan mengambil kira keadaan sekolah dengan membuat sesuatu supaya situasi ini berubah. Di samping itu masalah-masalah lain seperti bangunan sekolah tidak banyak mengalami perubahan, masih banyak sekolah Tamil di ladang-ladang mempunyai masalah ketidakcukupan tempat belajar dan bangunan yang uzur. Ada sekolah yang berumur lebih daripada 50 tahun.

Saya meminta jasa baik JKR dan kementerian berkenaan mengambil inisiatif untuk memberi bantuan secukupnya supaya masalah ini dapat diatasi. Selain daripada ini sekolah-sekolah Tamil terutamanya tidak dibekalkan guru-guru terlatih yang secukupnya. Di samping itu buku-buku latihan tambahan amat kurang dalam skim bantuan buku teks. Dengan adanya masalah sedemikian rupa pencapaian murid-murid sekolah-sekolah Tamil dalam peperiksaan khususnya dalam UPSR tidak begitu menggalakkan. Besarlah harapan saya agar Kementerian Pendidikan memberi perhatian serius dalam semua perkara yang saya nyatakan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha menangani masalah ekonomi negara, sektor perladangan telah memberi sumbangan yang cukup besar untuk mengimbangi ekonomi negara. Sektor perladangan menjadi tulang belakang untuk menstabilkan ekonomi negara pada masa sekarang. Namun pekerja-pekerja ladang yang memberi perkhidmatan dan sumbangan kepada ekonomi negara tidak mendapat sebarang layanan. Keadaan ini wujud kerana ada majikan-majikan

menganaktirikan pekerja-pekerja ladang atau tempatan kerana mereka mendapat perkhidmatan pekerja-pekerja asing seperti dalam pepatah Melayu, ‘menyusukan kera di hutan, membiarkan anak sendiri makan pasir’. Di samping itu pekerja-pekerja ladang menghadapi pelbagai masalah lain seperti:

1. Kemudahan tempat tinggal

Rumah-rumah di ladang-ladang tidak begitu selesa atau sesuai. Ada rumah hanya mempunyai satu bilik dan tidak ada bilik mandi. Jika keluarga pekerja ladang itu besar, bagaimana pula pekerja itu menyelesaikan masalah tempat tidur. Saya meminta kementerian berkenaan berbincang dengan pihak majikan ladang-ladang supaya menyediakan rumah yang selesa dan sesuai.

2. Kemudahan perkhidmatan kesihatan

Tidak banyak ladang mempunyai kemudahan ini. Ini mengakibatkan pekerja-pekerja ladang menghadapi masalah untuk mendapatkan perkhidmatan rawatan kesihatan, mereka terpaksa mengeluarkan jumlah wang yang besar untuk mendapatkan rawatan di klinik-klinik swasta. Saya meminta jasa baik Kementerian Kesihatan memberi perhatian serius terhadap kesihatan pekerja-pekerja ladang dan saya juga meminta Kementerian Pembangunan Luar Bandar memberi perhatian serius terhadap masalah ini.

3. Kemudahan bekalan air

Terdapat ladang-ladang yang masih tidak mendapat bekalan air, mereka terpaksa mendapat bekalan air dari luar atau dari telaga. Saya meminta JKR negeri mengambil inisiatif untuk membekalkan air kepada pekerja-pekerja ladang. Saya meminta kementerian berkenaan memberi tumpuan dan mengambil langkah-langkah positif untuk mengatasi masalah-masalah pekerja ladang. Selain dari itu saya juga meminta Kementerian Sumber Manusia membuat rundingan dengan syarikat-syarikat ladang untuk meningkatkan upah atau pendapatan harian memandangkan sektor peladangan memberi hasil yang banyak kepada ekonomi

negara seperti mana yang dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita.

Tuan Yang di-Pertua, dalam menuju Wawasan 2020, IT menjadi faktor utama untuk mendapatkan maklumat-maklumat dengan tepat dan cepat. Dalam situasi ini pihak RTM menyiarkan pelbagai rancangan untuk menyebarkan maklumat-maklumat penting kepada rakyat, tetapi ramai pendengar Berita Tamil kurang puas hati tentang perubahan waktu siaran Berita Tamil di TV2. Pada awalnya Berita Tamil disiarkan pada pukul 5.30 petang. Ini telah memberi kesan yang baik dalam penyampaian maklumat, tetapi kini Berita Tamil disiarkan pada pukul 5.00 petang. Waktu siaran itu tidak memberi peluang kepada pendengar-pendengar Berita Tamil, kerana belum pulang dari kerja atau dalam perjalanan ke rumah. Saya minta kementerian berkenaan kaji semula waktu siaran Berita Tamil di TV2 supaya maklumat dapat disampaikan kepada sasarannya.

Tuan N. Marimuthu: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat mahu apa?

Tuan N. Marimuthu: Minta laluan, boleh? Semalam satu akhbar tempatan Tami - semasa itu kawan saya pun ada sini, Yang Berhormat Pandithan, dia tulis - kita tidak beri/tanya soalan sini, duduk sahaja, 'kuda kayu' sini. Dia tulis semalam. Ini sahaja!. Berapa kali saya telah pun bangkitkan soalan ini. Sebab ini, working group. Orang lepas kerja, balik pukul 6.00 lebih. Bukan saya minta profesional atau pendapatan middle class, working group dia tidak boleh dengar berita ini. Kalau rakyat Malaysia tak mahu dengar warta berita, khasnya masyarakat India, apa lagi boleh jadi di sini. Menteri sendiri pun sudah setuju, tapi hingga hari ini pun tidak tunaikan lagi. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan S. Parasuraman: Tuan Yang di-Pertua, saya setuju. Di samping itu saya meminta siaran Bahasa Tamil menyiarkan banyak program berbentuk akademik kerana amat kurang. Siaran akademik amat kurang di Radio 6, oleh itu saya meminta kementerian berkenaan menambahkan program berbentuk akademik dan disiarkan pada waktu yang bersesuaian. Di samping itu banyak lagu dan drama

patriotik perlu disiarkan oleh RTM. Ini akan melahirkan ramai pemuda pemudi yang akan mencintai negara dan tidak melakukan perbuatan-perbuatan yang tidak diinginkan.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat Malaysia kini terdiri daripada berbagai kaum. Tempat ibadat amat penting bagi sesuatu kaum. Apabila sesuatu projek perumahan dilaksanakan pihak pemaju perumahan harus menyediakan tempat supaya tempat-tempat ibadat dapat didirikan mengikut agama masing-masing. Seperti mana yang dinyatakan dalam Rukun Negara - Kepercayaan kepada Tuhan, maka semua kaum dapat menjalankan ibadat, sembahyang dengan baik dan sempurna.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita menjadi tuan rumah Sukan Komanwel ke XVI. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi syabas dan tahniah kepada Menteri Belia dan Sukan dan Majlis Sukom 1998 atas usahanya untuk menganjurkan sukan ini.

Tuan Yang di-Pertua, sistem pengangkutan negara ini terbaik di rantau Asia Tenggara. Kini kita mempunyai Lebuhraya Utara-Selatan, Jambatan Pulau Pinang dan Jambatan Malaysia-Singapura Kedua dan Lebuhraya Timur Barat. Sistem pengangkutan negara kita adalah sistem yang canggih di rantau Asia Tenggara ini. Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah dan syabas kepada Menteri Kerja Raya, Yang Berhormat Dato' Seri S. Samy Vellu atas usahanya, Malaysia telah mencatatkan satu lagi sejarah dalam sistem pengangkutan.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini peristiwa yang berlaku di Pulau Pinang amat menyedihkan. Kesan peristiwa tersebut menyukarkan Negeri Kedah. Tetapi hasil usaha Ketua Polis, keadaan di Pulau Pinang dan Kedah dapat dibendung. Saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada pihak Kementerian Dalam Negeri dan semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Rosli.

5.15 ptg.

Tuan Rosli bin Mat Hassan: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya saya bangun sama seperti rakan-rakan yang lain untuk menjunjung kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Tuanku Jaafar Ibni Almarhum Tuanku Abdul Rahman, pada 23 Mac 1998. Di sekitar Titah Ucapan Baginda yang hampir 28 paragraph/para, telah menyentuh isu-isu dan perkara-perkara yang berkaitan dengan masalah perekonomian semasa, khususnya masalah kegawatan ekonomi, yang mana kita melihat krisis kegawatan ini kebetulannya berlaku secara berkembar, iaitu jatuhnya harga saham BSKL dan juga turunnya nilai mata wang Ringgit Malaysia, ianya berlaku semenjak pertengahan 1997, yang sekali gus telah menjejaskan sebahagian besar daripada suasana, sistem dan juga keadaan ekonomi di negara kita. Jadi bahang kegawatan ini setidak-tidaknya menjadi perkara yang menjejaskan keseluruhan sektor perdagangan dan perniagaan, usaha-usaha agensi-agensi kerajaan dan yang menjadi mangsa yang paling teruk ialah masalah masyarakat usahawan di negara kita. Masyarakat usahawan yang paling terjejas daripada kesan kegawatan ekonomi yang kita sedia maklum ialah masyarakat usahawan dan kontraktor Melayu.

Pada umumnya, terjejasnya kumpulan usahawan dan kontraktor Melayu ini adalah di atas dua perkara asas. Pertama ialah kerana keterbatasan fundamental perniagaan orang-orang Melayu sendiri berkaitan dengan masalah struktur mereka. Keduanya ialah kesan langsung daripada kegawatan iaitu kesan cyclical dengan izin. Kemudian langkah-langkah kerajaan secara menyeluruh iaitu a cross the board kerajaan kepada peniaga-peniaga untuk menangani kegawatan ini secara langsungnya telah menjejaskan secara menyeluruh usahawan Melayu dan bumiputera dan ini telah mencetuskan berbagai pemikiran dan ianya perlu diberi pemeriksaan semula oleh semua peringkat terutama sekali kerajaan, usahawan sendiri dan agensi kerajaan yang mengerakkan bagi menangani kegawatan ekonomi ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak boleh lari daripada bercakap mengenai masalah usahawan dan kontraktor Melayu secara keseluruhnya kerana kumpulan

ini yang kita lihat amat terjejas, dan kumpulan usahawan yang tergugat dan terjejas ini terdiri daripada beberapa sektor. Sektor yang pertama ialah sektor remiser, bumiputera yang baru mengenali erti kehidupan dalam perniagaan berkaitan dengan harga saham di BSKL. Usahawan Melayu adalah merupakan rumpun bangsa yang berada di negara kita, yang baru mengenali kaedah perdagangan dan perniagaan yang berkaitan dengan perniagaan saham.

Keduanya ialah kumpulan yang menjadi pengedar dan penjual kereta dan motosikal sama ada baru ataupun yang terpakai. Ini adalah kerana kita dapati jerutan kredit atau dalam bahasa Inggeris, dengan izin credit squeeze yang begitu hebat berlaku di kalangan bank-bank tempatan kita.

Dan kumpulan ketiga, ialah kumpulan pengimport Melayu, pengimport bumiputera yang mendapat projek pembekalan kepada pihak awam kerana kebanyakan kita mengimport barang kesannya secara langsung adalah kerana kenaikan nilai Dolar Amerika dan kontrak pembekalan di antara kerajaan dan pengimport kita dalam negeri masih tidak berubah dari segi perjanjian dan kaedah pembekalannya.

Dan kumpulan keempat ialah kumpulan vendor bumiputera yang baru mengenali erti vendor kerana kita tahu bahawa kebanyakan dengan izin anchor company/syarikat induk, masih berdepan dengan kekusutan kesan daripada naiknya nilai Dolar Amerika dan yang lebih teruk daripada itu ialah pengetatan dari 6 bulan ke 3 bulan syarat NPL.

Tuan Yang di-Pertua, kumpulan yang seterusnya ialah kumpulan yang telah dilahirkan oleh kerajaan sendiri iaitu kumpulan yang termasuk dalam kumpulan IKS bumiputera, dalam industri kecil dan sederhana yang selama ini ditekan oleh kerajaan supaya kita sendiri menjadi IKS, supaya menjadi base yang akan menyokong usaha-usaha kerajaan dalam sektor ekonomi di negara kita.

Jadi kumpulan yang keenam, ialah kumpulan yang saya terlibat secara langsung selaku Setiausaha Agung Persatuan Kontraktor Bumiputera, Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia iaitu sektor pembinaan yang secara langsung dan

tidak langsungnya dalam sektor ini berikutan dengan pembekuan pinjaman dari bank dan juga dilihat bidang construction ataupun pembinaan ini sebagai bidang yang tidak produktif dalam belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, selaku Menteri Kewangan pada awal tahun ini, baru-baru ini.

Kumpulan pengangkutan dan juga perkapalan bumiputera yang baru mengenali industri ini juga turut terjejas dengan teruk dan kumpulan yang seterusnya ialah kumpulan yang telah dilahirkan oleh kerajaan sendiri dalam sektor pelancongan. Dan yang paling penting sekali ialah kumpulan profesional bumiputera, peguam, akauntan dan lain-lain yang secara langsungnya terlibat.

Dan yang akhirnya ialah kumpulan kontraktor yang masih di bawah kumpulan yang dijaga oleh kerajaan iaitu kumpulan kontraktor di bawah skim runding terus kerajaan iaitu Kumpulan Tabung Pemulihan Usahawan yang mana daripada 1500 usahawan yang telah dikenalpastikan oleh kerajaan semenjak 1990, masih belum selesai maka nasib mereka sudah jatuh ditimpa tangga kerana kegawatan ekonomi mereka nampaknya masih berhadapan dengan masalah yang maha berat untuk diselesaikan bersama.

Tuan Yang dil-Pertua, Dewan Perniagaan Melayu dan juga Persatuan Kontraktor Melayu bersama-sama dengan Persatuan Pengilang Bumiputera dan kita bukan melihat sepi perkara ini dan kita berterima kasih kepada pimpinan negara terutama sekali Yang Amat Berhormat Datuk Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, yang telah melihat isu ekonomi ini sebagai isu priority ataupun isu utama untuk diselesaikan di semua peringkat dan keduanya Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana kita yang hari-hari membicarakan masalah bank, masalah usahawan sama ada bumiputera ataupun tidak bumiputera sama ada syarikat korporat atau tidak, kita nampak segala jentera di peringkat negara kita telah bertungkus-lumus dan kita rakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada pemimpin-pemimpin besar negara kita yang telah melihat perkara ini secara bersungguh-sungguh.

Tuan Yang di-Pertua, kerana ada beberapa isu yang perlu dilihat apabila kita membicarakan masalah Dasar Ekonomi Baru dulu dan kita berhadapan dengan masalah krisis ekonomi di antara kumpulan bangsa Melayu dan bukan bumiputera (bukan Melayu). Pada tahun 1969 kita berhadapan dengan pertumbuhan darah yang maha hebat, jadi timbullah dasar-dasar yang mempunyai dasar kompromi, dasar yang boleh diterimapakai oleh semua masyarakat dan kaum di negara kita, maka kita dapati jurang perbezaan di antara kaum di negara kita dapat diperkukuhkan, dirapatkan, diperbaiki di antara kumpulan masyarakat usahawan Melayu dan juga masyarakat usahawan bukan bumiputera, malah kita nampak mutakhir ini, ada usaha-usaha yang dilakukan oleh usahawan-usahawan Melayu melalui Dewan Perniagaan Melayu dan juga Dewan Perniagaan China dan juga Dewan Perniagaan India supaya ada gabungan tenaga di antara semua kaum kerana gabungan dan kekuatan semua kaum adalah penting untuk memperkukuhkan ekonomi negara dan dengan memperdaulatkan seluruh bangsa di negara kita sama ada ianya Melayu, Cina, India ataupun Orang Asli .

Jadi kita melihat perkara-perkara asas ini, kita berharap kerajaan perlu melihat secara bijaksana dan tidak lagi melihat kegawatan ekonomi ini secara mengumumkan sahaja dana-dana sebagaimana diumumkan oleh beberapa Menteri kita, pelbagai dana kita baca dalam surat khabar tetapi ketenatan dan kehausan serta masalah yang dihadapi oleh usahawan khususnya usahawan bumiputera bukan masalah dana semata-mata tetapi mereka sedang berhadapan dengan pelbagai kerenah bank, kerenah saman-menyan untuk meneruskan usaha, elemen-elemen bekalan bahan pembinaan dan berbagai-bagai perkara yang mempunyai kaitan rapat dengan pembekalan usaha-usaha mereka.

Tuan Yang di-Pertua, lantaran itu kita mencadangkan supaya kerajaan dan kita semua dapat menangani kegawatan ekonomi khususnya untuk usahawan Melayu dan bumiputera khususnya modal. Kita mencadangkan iklim ekonomi yang lebih memberangsangkan dapat kita lihat di masa-masa akan datang. Kita berharap kita tidak membekukan usaha-usaha Kerajaan, bank-bank tempatan dan juga pelabur-pelabur yang masih berada di negara kita supaya ianya sekaligus tidak memfluksikan dan tidak membankrapkan secara langsung peniaga-peniaga di negara kita, khususnya peniaga-peniaga bukan bumiputera.

Tuan Yang di-Pertua, kemudahan-kemudahan modal harus dilihat dalam beberapa sektor. Mengikut kajian Dewan Perniagaan Melayu, sektor yang harus diberi penekanan, pertama ialah peniaga besar Melayu yang telah digerakkan oleh kerajaan sendiri; keduanya ialah kumpulan perusahaan

sederhana dan kecil; dan ketiganya ialah kumpulan yang berkaitan dengan industri yang strategik pada masa ini iaitu industri telekomunikasi, automatif, pengangkutan termasuk penerbangan dan perkapalan, perbankan kewangan dan insurans, prasarana (infrastruktur) termasuklah pelabuhan, lapangan terbang, janakuasa dan tenaga, industri makanan asas dan properties, dengan izin, iaitu hartanah.

Kita mahu kedudukan wang tunai negara dalam sistem kewangan negara diberi kelonggaran syarat-syarat pinjaman serta suntikan kredit supaya ianya sekali gus akan menyuburkan iklim yang sedang kita hadapi ini. Di atas kebijaksanaan dan pimpinan kerajaan kita yakin dan percaya sebagaimana saranan pemimpin utama kita dan juga kebanyakan lapisan masyarakat masih percaya kepada pimpinan negara kita pada hari ini, kita berharap pembocoran wang tunai yang berlaku dihebohkan oleh, yang bertelagah di antara beberapa Menteri dan Timbalan Menteri berkenaan dengan pembocoran wang tunai harus dilihat oleh Bank Negara supaya aliran pengurusan wang tunai dalam sistem ekonomi dan kewangan negara ini dapat kita bentuk dan arahkan dalam sektor yang strategik seperti yang saya katakan tadi. Kalau boleh untuk usahawan Muslim dipertimbangkan dana yang lebih kukuh dari sistem Baitulmal, ianya harus diberi pertimbangan bagi menyokong usaha-usaha kerajaan bagi memulihkan suasana dan sistem kewangan di negara kita.

Kita juga memohon supaya kerjasama erat yang telah sedia terjalin di antara kementerian-kementerian seperti Kementerian Kewangan, Kementerian Pembangunan Usahawan, Kementerian Kerja Raya, Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan beberapa kementerian lain yang mempunyai kaitan rapat dengan pembangunan usahawan di Malaysia kita ini, khususnya yang berkaitan dengan pembangunan usahawan bumiputera, supaya tidak secara sendiri-sendiri mengatasi masalah ini. Saya yakin dan percaya Tan Sri Tajuddin Ramli selaku Presiden Dewan Perniagaan Melayu dan juga beberapa presiden-presiden yang mempunyai keupayaan seperti Persatuan Kontraktor Melayu, Persatuan Pengilang Bumiputera harus diguna sebagai NGO yang berhaluan kanan yang sekali gus akan membantu usaha-usaha kerajaan ini.

Kita berharap juga semua cadangan tadi dapat berperanan dengan baik supaya ianya akan menjadi enjin pertumbuhan khususnya sektor awam perlu memainkan peranan yang lebih aktif dan proaktif malah kita mahu pihak agensi-agensi kerajaan bertindak lebih interventionist, dengan izin, terutamanya untuk menyegarkan kembali ekonomi yang layu dan malap yang kita hadapi bersama ini.

Tuan Yang di-Pertua, di sektor pembangunan kontraktor di negara kita ini khususnya kontraktor bumiputera, pihak persatuan Kontraktor Melayu telah membuat kajian secara terperinci. Kita merupakan hampir satu ribu kontraktor dari semua peringkat dari Kelas A hingga Kelas F di semua negeri di Semenanjung Malaysia dan kita mengambil masa tiga bulan untuk sama-sama membantu mendapatkan maklumat bagi menyokong usaha-usaha kerajaan memulihkan suasana dan sistem kewangan di negara kita.

Kita meminta juga kontraktor Melayu yang selama ini hanya berasaskan kepada sektor pembinaan oleh kerana sektor pembinaan bukan lagi merupakan sektor yang strategik dalam suasana

ekonomi yang gawat seperti pada hari ini tetapi nampaknya masih ada pandangan, keyakinan daripada 90% daripada kontraktor Melayu di seluruh negara kita ini yang amat yakin. Dengan keyakinan yang sungguh padu daripada seluruh kontraktor di negara kita ini, khususnya kontraktor Melayu, merasa yakin kepada pemulihan ekonomi yang dilaksanakan oleh pimpinan negara dan kerajaan. Cuma masa sahaja yang akan menentukan sama ada kedudukan pemilikan (ownership) ekuiti yang selama ini diperkatakan telah memiskinkan kita sama ada sistem yang telah sedia ada harus diberi pemeriksaan semula oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, kegawatan ekonomi yang berlaku ini secara khususnya kita nampak ada tiga elemen yang harus diberi perhatian yang berat oleh beberapa kementerian iaitu Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Kementerian Kerja Raya, elemen yang menjadi perkara-perkara memberi kesan yang amat berat kepada kontraktor bumiputera yang sedang menjalankan pada hari ini mendapati, pertamanya ialah 'credit squeeze' daripada bank iaitu kemudahan bank; yang keduanya ialah kedudukan pasaran dan pembekalan harga bahan-bahan binaan yang telah naik di antara 10% hingga 20% dan kadang-kadang 30% bahan-bahan binaan yang tidak ada dalam kawalan kementerian dan kerajaan masih juga menjadi tanda tanya yang berat yang dihadapi oleh kontraktor yang sedang menjalankan kerja sekarang. Kontraktor yang sedang menghadapi kerja sekarang tidak dapat lagi mengubah harga, dan tidak dapat lagi mengubah syarat-syarat kerja kerana ianya telah termaktub dalam perjanjian, di dalam assignment di antara kerajaan dengan kontraktor yang sedang melaksanakan kerja. Tetapi oleh kerana komponen dalam melaksanakan mana-mana pembinaan melibatkan 60% daripada elemennya ialah masalah bahan binaan dan kawalan yang lebih ketat, penguatkuasaan dan perkara-perkara yang berkaitan dengan bahan-bahan binaan ini harus dilihat secara serius oleh Kementerian Pembangunan Usahawan selaku kementerian bertanggungjawab kepada pembangunan usahawan dan yang paling penting sekali ialah Kementerian Kerja Raya dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna supaya dapat melihat bukan sahaja besi dan simen sebagai bahan binaan yang terkawal tetapi harus dilibatkan secara keseluruhan bahan-bahan binaan yang sekali gus telah menjejaskan prestasi kontraktor di seluruh negara

Jadi, kita dapati 90% pertanyaan yang kita ajukan kepada kontraktor di seluruh negara melihat syarat ketat bank ini adalah beberapa perkara yang harus diperbaiki melalui penemuan dan perbincangan kita dengan Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan. Kita sekarang ini apabila membuat projek, bank gerenti sahaja iaitu jaminan bank, sekarang ini bank sudah tidak bagi pinjaman.

Tuan Yang di-Pertua, kita cadangkan supaya diperluaskan semula sebagaimana kita laksanakan di masa-masa lalu. Supaya selain daripada bon

pelaksanaan dan bon yang dikenakan oleh kerajaan kepada kontraktor kita diperluaskan supaya dibenarkan bon insurans (insurance bond) ataupun jaminan insurans diluluskan balik oleh kerajaan. Kemudian penarikan balik, pembayaran balik wang pinjaman ke atas peminjam-peminjam khususnya usahawan dan kontraktor kita harus dikaji semula.

Dalam keadaan kita melaksanakan kerja sekarang ini, tiba-tiba kita ditarik 'facilities', dengan izin, maka sudah pasti kedudukan kontraktor dan usahawan khususnya Melayu yang baru mahu bertapak di negara kita ini. Saya yakin dan percaya lebih daripada 50% daripada kontraktor bumiputera akan gulung tikar dalam tempoh 2 tahun yang akan datang. Sekiranya pemulihan ekonomi tidak dapat dilaksanakan, kita dapati lebih daripada 50% akan gulung tikar dan baru-baru ini kita nampak ada percanggahan pendapat di antara Menteri Kerja Raya dengan Menteri Pembangunan Usahawan.

Tadi saya bangun awal, Tuan Yang di-Pertua tidak beri semasa Menteri Pembangunan Usahawan ada, tetapi saya telah bincang di luar tadi. Sekarang kita bukan membicarakan masalah harus diperketatkan sebagaimana dinyatakan oleh Menteri Pembangunan Usahawan - perketat taraf bumiputera, perketat pengeluaran lesen, harus ditahan lesen.

Sekarang kita membicarakan ialah bagaimanakah harus kita 'survived' kan ataupun dapat mengatasi masalah usahawan yang sedang berhadapan dengan kegawatan ini. Tidak ada ertinya kita mendaftar yang baru atau kita mengetatkan pendaftaran atau kita menarik taraf bumiputera sekiranya masalah kontraktor dan usahawan bumiputera yang dikenal pasti sebanyak 17,000 orang oleh Kerajaan Malaysia yang berdaftar di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan iaitu Pusat Khidmat Kontraktor, saya yakin dan percaya sebenarnya kita melihat satu penghalaan ataupun satu prioritas yang tidak sama dengan dihadapi di akar umbi.

Jadi saya berharap Kementerian Pembangunan Usahawan dapat menilai semula. Kita bukan membicarakan masalah mendaftar semula usahawan, tetapi kita membicarakan bagaimanakah harus kita menangani masalah usahawan-

usahawan khususnya bumiputera yang menghadapi kegawatan. Dalam tahun 1984, apabila berlaku kegawatan kita dapat kerjasama yang erat daripada kerajaan. Penubuhan Tabung Pemulihan Usahawan umpamanya telah dapat kita menyelamatkan hampir 1,500 orang usahawan bumiputera dan sebahagian besarnya masih beroperasi sekarang ini.

Oleh kerana dasar negara mahu melihat agenda ekonomi kita dalam 'mainstream of economy', dengan izin, mesti ada bumiputera. Negara akan gagal sekiranya tidak ada beberapa peratus yang sesuai untuk membangunkan negara. Bagi saya usahawan dan kontraktor bumiputera paling tidaknya dari segi ekuiti dan keterlibatan kuantitinya harus tidak kurang daripada 30%. Kalau ini gagal, sudah pasti ianya merupakan kegagalan negara. Negara tidak akan menjadi sebuah negara yang bangga dengan industri dan kemajuannya apatah lagi untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara industri dalam tahun 2020 sekiranya agenda untuk meletakkan bumiputera dalam agenda ekonomi negara tidak kita capai ke tahap sekurang-kurangnya 30%. Tidak ada siapa yang boleh membanggakan isu ini sekiranya kedudukan usahawan dan kontraktor bumiputera ranap, muflis, mati dan tidak berada bersama-sama dengan kaum-kaum lain di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi memohon dengan Kementerian Kewangan, kerana baru-baru ini daripada RM500 juta wang dana Tabung Pemulihan Usahawan yang telah diluluskan pada tahun

[Tuan Yang di-Pertua: *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan.

Tuan Rosli bin Mat Hassan: Tuan Yang di-Pertua, tadi saya bangun tetapi Tuan Yang di-Pertua tidak beri. Alhamdulillah, Tuan Yang di-Pertua dapat mendengar ucapan saya.

Tuan Yang di-Pertua, Tabung Pemulihan Usahawan yang digerakkan oleh kerajaan telah menyelamatkan hampir 1,500 orang usahawan bumiputera - sebanyak RM500 juta. Baru-baru ini kita minta kerajaan memberi beberapa juta kepada kita, baru lulus RM10 juta, saya mencadangkan supaya dana ini dapat

diluluskan oleh Kementerian Kewangan, kalau tidak RM500 juta pun, diberikan di antara RM200 - RM300 juta. Dana ini diurus secara bijaksana oleh Dewan Perniagaan Melayu dan dibimbing oleh Kementerian Pembangunan Usahawan. Kita yakin dan percaya masalah yang begitu lama dihadapi oleh usahawan bumiputera ini dapat kita atasi, insya-Allah.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini Kementerian Pembangunan Usahawan adalah sebuah kementerian yang agak baru menilai pembangunan usahawan, jadi kita tidak tahu sejauhmanakah kedudukan usaha-usaha gigih Menteri dan seluruh kakitangan di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dapat menyenaraikan kedudukan usahawan sama ada bumiputera ataupun bukan bumiputera, sama ada gergasi, besar, kecil dan sederhana, kita tidak tahu apakah bentuk satu data bank yang perlu ada di sebuah kementerian. Jadi kita berharap Kementerian Pembangunan Usahawan dapat meneruskan usaha supaya dana-dana yang diumumkan dari masa kesemasa ini tidak menjadi hiasan akhbar semata-mata kerana dalam beberapa minggu yang mutakhir ini, kita nampak ada banyak dana diluluskan – RM2 bilion, RM1.5 bilion, RM500 juta dan pelbagai. Tetapi ianya lambat sampai ke peringkat akar umbi.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita bercakap masalah komoditi - sebelum datang tadi saya berjumpa dengan seorang ustaz minta satu ayat kerana kegawatan ekonomi ini langsungnya daripada nilai Dollar perniagaan Ringgit perniagaan wang dan dirham dalam bahasa Arabnya. Jadi, saya dapat sepotong Hadis Nabi Muhammad s.a.w., dengan izin, yang ertinya, iaitu Islam mengharamkan perniagaan emas dengan emas, perak dengan perak dan dirham dengan dirham.

Tuan Yang di-Pertua, saya ini tidak sekolah Arab terpaksa tulis dalam bahasa rumi, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, dalam zaman Rasulullah s.a.w. di Madinah perkara ini telah diharamkan oleh Islam apabila kita membicarakan pada baru-baru ini kegawatan yang berlaku adalah kerana krisis nilai Ringgit sedangkan kita tahu bahawa Islam telah mengharamkan perniagaan wang dan duit ini.

Jadi, perkara ini harus dilihat secara keseluruhan dalam pembentukan ekonomi kita, sistem kewangan negara kita dan kita yakin dan percaya pandangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri kita selaku Menteri Kewangan di peringkat antarabangsa dan harus dilihat secara global dan kita berterima kasih pandangan pimpinan negara adalah pandangan yang telah melihat perkara ini sebagai perkara yang baik untuk keadilan dan keharmonian seluruh masyarakat antarabangsa.

Jadi, di negara kita harus kita melihat apabila wang sudah menjadi bahan komoditi seperti kelapa sawit, getah, minyak dan lain-lain, maka sesungguhnya inilah ketidakadilan yang sedang kita harungi, kita hadapi, yang sedang kita lalui bersama dan ketidakadilan ini dilakukan oleh orang luar dari negara kita, ianya berlaku bukan untuk negara kita semata-mata, tetapi secara hampir keseluruhan negara-negara Asia.

Jadi, perkara ini harus dilihat secara pragmatik dengan penekanan yang bijaksana oleh pimpinan negara supaya wang sebagai komoditi ini harus diharamkan sama sekali, harus dilihat peraturan-peraturan yang lebih jelas, yang lebih bermakna, yang boleh memberi keadilan kepada seluruh masyarakat khususnya negara kita dan masyarakat antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, juga harus dilihat selepas Dasar Ekonomi Baru (DEB), kita ada Dasar Pembangunan Nasional (DPN). Dasar Pembangunan Nasional ini tidak berapa jelas, Dasar Ekonomi Baru agak jelas, tetapi Dasar Pembangunan Nasional kurang jelas, ianya telah jelas dalam booklet ataupun buku, ianya telah dibentangkan di Parlimen, ianya telah dibicarakan di peringkat kementerian dan ianya merupakan bahan kajian sarjana-sarjana kita dan ianya juga merupakan bahan rujukan usahawan-usahawan kita sama ada Melayu ataupun bukan Melayu.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kegawatan ini sebagaimana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah kata, memiskinkan kedudukan bangsa kita, kedudukan negara kita, apakah kedudukan kita ini, miskinnya kita ini termasuk

Cina , India, Melayu dan lain-lain, miskin kita ini sebelum miskinnya kita semasa sebelum DEB ataupun selepas DEB iaitu dalam Dasar Pembangunan Nasional ataupun kita lebih miskin daripada sebelum kita merdeka.

Ini harus dibuat kajian kerana kita bercakap masalah kemiskinan, sedangkan kita tidak mempunyai perkara-perkara yang tidak menggawatkan secara keseluruhan. Oleh kerana ekonomi adalah merupakan fundamental yang amat penting kepada masyarakat dan pergerakan pembangunan negara kita, maka ini harus diberi kajian secara terperinci dan harus dibuat pemeriksaan semula, ISIS atau Kementerian Kewangan, sarjana-sarjana yang bijak pandai harus melihat perkara ini sebagai satu pendapat ataupun pandangan baru supaya kegawatan yang melanda kita ini melalui hasil kejatuhan nilai Ringgit kita berbanding dengan Dolar Amerika berasaskan dengan senario yang sedang berlaku sebelum ini dan gerakan kita untuk menghapuskan dan memulihkan suasana ekonomi kita di masa yang akan datang, apakah kita masih mahu melihat sistem perekonomian negara dan sistem kewangan negara kita ini bertepatan dengan dasar-dasar yang telah diarah dan berada dalam sistem global pada hari ini.

Kalau ianya perlu kita mengatasinya, kita berharap kita dapat mengatasinya dan kita berdoa semoga sebagaimana Titah Diraja telah menekankan hampir 24 para yang minta sebahagian membicarakan masalah perekonomian negara yang secara langsungnya dalam para empat kalau tidak salah meminta supaya rakyat bersabar dan kita yakin dan percaya semua peringkat masyarakat dan rakyat telah bersabar dan sanggup menerima apa jua ujian dari Allah S.W.T. dan kita masih yakin dan percaya kita akan dapat mengatasi pemulihan ekonomi ini, insya-Allah, dengan ketenangan dan tidak panik kita, kita akan mengharungi jerit tangis kita sebagai rakyat negara yang paling penting sebagaimana rakan-rakan dalam Dewan Negara yang telah bercakap sebelum ini telah menyatakan bahawa kesetiaan kepada negara adalah merupakan prioritas yang utama, yang meletakkan kita secara patriotiknya supaya masalah pemulihan ekonomi yang kita hadapi ini insya-Allah, dapat dipulihkan dengan secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya merakamkan terima kasih yang tidak terhingga dan menjunjung kasih ke Bawah Duli Yang di-Pertuan Agong di atas Titah Ucapannya, moga-moga pandangan saya tadi sedikit sebanyak, insya-Allah akan membantu kerajaan di dalam menangani kegawatan ekonomi bumiputera dan ekonomi seluruh usahawan di negara kita ini.

Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Jamilah.

5.45 ptg.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi laluan kepada saya bagi menyokong Usul yang telah dibawa oleh Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki pada 12 Mei 1998 minggu lalu.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut mengambil bahagian di atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam Mesyuarat Pertama, Penggal Keempat, Parlimen Kesembilan.

Tuan Yang di-Pertua, jika kita meneliti Titah Ucapan Ke Bawah Duli, Baginda begitu prihatin dan sensitif terhadap perkembangan semasa dalam negara. Saya rasakan ianya merupakan berbentuk motivasi ke dalam diri kita untuk menjalankan tugas dan amanah kepimpinan yang dipertanggungjawabkan juga ianya merupakan suatu inspirasi dalam meneruskan kerja negara yang perlu diteruskan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian sidang Dewan sekalian tentang penekanan terhadap pihak kerajaan yang akan terus memperluas dan meningkatkan reformasi pendidikan termasuk usaha-usaha pelaksanaan sekolah bestari serta menggunakan teknologi maklumat dalam proses pengajaran dan pembelajaran sama ada di peringkat rendah, menengah dan juga institusi pengajian tinggi.

Kita menghargai dan memberi sokongan terhadap usaha-usaha ke arah kecemerlangan pendidikan selama ini. Kita semua sedar bahawa tanpa pendidikan yang sempurna akan melahirkan generasi yang lemah pemikiran dan kurang peradaban pada masa yang akan datang. Usaha kerajaan ke arah pembangunan

Koridor Raya Multimedia adalah suatu usaha yang baik ke arah mewujudkan masyarakat bermaklumat.

Walau bagaimanapun, perlu ditegaskan bahawa apa juga pembangunan yang sedang dan akan dibangunkan hendaklah diseimbangkan dengan pembangunan rohani serta peningkatan iman dan takwa kepada Allah S.W.T. di samping kita mendidik ke arah pembinaan minda, kita juga perlu memberi penekanan terhadap aspek tarbiah, pendidikan roh kerana tanpanya segala kebijaksanaan, kepintaran, keterampilan yang ada pada diri seseorang akan mendatangkan hasil yang tidak bermakna. Hakikat ini dapat dibuktikan di mana berlakunya kegiatan yang tidak bermaruah seperti pemalsuan dokumen, pengklonan telefon bimbit dan banyak lagi perkara-perkara yang telah dilakukan oleh bijak pandai yang berkemahiran di dalam bidang teknologi maklumat, teknikal dan vokasional.

Kita berkeyakinan insya-Allah, sistem pendidikan yang menekankan ketauhidan berteraskan Al-Quran dan Sunnah akan mampu melahirkan generasi yang bertimbang rasa, yang dapat membeza di antara yang baik dan yang buruk serta dapat memikirkan tentang balasan di 'Mahkamah Allah' di Padang Mahsyar kelak.

Tuan Yang di-Pertua, masalah kegawatan ekonomi yang sedang melanda negara sekarang telah menyebabkan penghantaran pelajar ke luar negara terpaksa dikurangkan atau diberhentikan. Sehubungan itu, banyak sekolah serta institusi pendidikan swasta telah ditubuhkan serta mendapat kelulusan dari pihak kerajaan. Kita amat mengharapkan agar apa yang telah disuarakan oleh Menteri Pendidikan untuk mewajibkan mata pelajaran Agama Islam di sekolah-sekolah swasta akan menjadi kenyataan. Pihak pengurusan dan pentadbiran sekolah, kolej atau institusi pengajian sewajarnya perlu memberi peluang dan sokongan yang padu terhadap program-program kerohanian dalam suasana masyarakat kita pada hari ini.

Konsert luar yang tidak bermoral yang menjejaskan sistem pendidikan dan tarbiah pelajar serta bercanggah dengan ko-kurikulum dan kurikulum yang telah diadun dan dicanai dengan begitu hebat

sepatutnya tidak dibenarkan wujud di mana-mana institusi pengajian di negara kita. Saya ingin mencadangkan agar pihak Kementerian Pendidikan mengambil langkah yang tegas terhadap mereka yang melanggar peraturan dan prosedur yang telah ditetapkan sehingga menjejaskan reformasi sistem pendidikan negara.

Tuan Yang di-Pertua, pelbagai usaha yang telah dilakukan bagi membantu membanteras gejala sosial yang semakin berleluasa. Budaya dan amalan seks bebas mula menular dalam negara kita. Kita sepatutnya mengambil iktibar terhadap apa yang berlaku kepada anak-anak remaja di negeri Kedah Darul Aman baru-baru ini amat sedih dan mendukacitakan. Oleh itu kita perlu menilai semula sejauhmanakah program yang telah dirancang dan dilaksanakan selama ini benar-benar menepati sasarannya serta sekurang-kurangnya dapat membantu mengurangkan dari berlakunya gejala yang tidak sihat itu.

Kita amat mengharapkan kementerian yang dipertanggungjawabkan seperti Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, institusi ataupun Jabatan Agama Islam serta majlis agama Islam untuk merancang dan melaksanakan aktiviti-aktiviti yang dapat membantu membangunkan diri remaja ke arah yang lebih positif. Saya menyeru supaya pihak berkuasa dalam kerajaan tempatan, majlis-majlis bandaran dan Dewan Bandaraya yang bertanggungjawab dan ber'authority' agar membatalkan permit lesen pihak yang mengusahakan pusat-pusat hiburan kerana ianya akan mendidik manusia menjadi lalai dan leka serta membuka ruang yang luas ke arah berlakunya budaya liar yang akan menjurus kepada perbuatan yang mungkar yang dilarang oleh Allah S.W.T.

Tuan Yang di-Pertua, Program Belia Masjid, Rakan Masjid dan seumpamanya perlulah diberi penekanan dan sokongan yang sewajarnya sama ada dalam aspek moral atau material agar program-program yang berkualiti dapat dijalankan. Kita merayu kepada badan-badan korporat serta usahawan muslim agar tidak mengabaikan tanggungjawab sosial. Hurlurkanlah bantuan atau sumbangan bagi membantu dan membiayai program dan aktiviti untuk kebaikan anak-anak remaja kita.

Tuan Yang di-Pertua, kita memang tidak menentang hasrat kerajaan untuk menarik pelancong asing ke negara kita dengan melakukan pelbagai promosi serta menyediakan taman rekreasi. Di sini, ingin saya tekankan bahawa peraturan dan penguatkuasaan kawalan di tempat-tempat yang sebegini perlu dilakukan kerana kita tidak mahu remaja atau rakyat Malaysia mengambil peluang untuk melakukan aktiviti-aktiviti yang tidak sihat di tempat-tempat rekreasi tersebut. Sebagaimana kita semua maklum pergaulan bebas adalah punca utama keruntuhan akhlak dan moral remaja yang terhasil daripada kekosongan jiwa disebabkan kerapuhan akidah dan kurangnya didikan agama.

Tuan Yang di-Pertua, untuk memastikan kejayaan pendidikan kita, kita amat-amat memerlukan pendidik yang benar-benar komited dengan tugas mereka serta mempunyai penampilan diri yang baik agar menjadi contoh kepada anak-anak didik. Sudah tiba masanya pihak kerajaan dan Kementerian Pendidikan khasnya menjadikan seluar panjang bagi pelajar lelaki dan baju kurung serta tudung bagi pelajar perempuan Islam sebagai pakaian seragam sekolah. Mudah-mudahan apa yang kita lakukan akan

mendapat keredaaan Allah S.W.T. dan keberkatan daripadanya. Mudah-mudahan kita dapat membantu dan menyelesaikan sebahagian daripada masalah yang kita hadapi, yang agak tenat sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, usaha ke arah industri berasaskan sumber adalah langkah yang bertepatan pada masa sekarang. Saya ingin menegaskan bahawa walau apa bentuk usaha yang ingin dilakukan janganlah sampai kita mengabaikan kesan-kesannya kepada alam sekitar. Penebangan hutan dan pembotakkan gunung dan bukit telah menjejaskan ekosistem dan kestabilan muka bumi. Semua pihak yang neutral sepakat dengan pendapat ini tetapi yang tidak bertanggungjawab masih tetap meneruskan usaha pembangunan yang belum tentu dapat memberi manfaat kepada seluruh rakyat pada masa akan datang. Dewasa ini kita dapat saksikan dan kita mengalami sendiri di mana kesan pembangunan yang tidak terancang dan tanpa penelitian yang rapi serta tidak mengambil kira faktor geografi telah pun menyebabkan berlakunya banjir kilat, kejadian tanah runtuh serta pencemaran kawasan tadahan air dan lain-lain lagi.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sedang menggalakkan serta banyak promosi yang telah dijalankan bagi menggalakkan rakyat Malaysia membeli dan seterusnya menggunakan barangan tempatan. Ini merupakan suatu langkah yang positif yang dapat membantu pengeluar-pengeluar tempatan untuk meningkatkan hasil pengeluaran mereka tetapi perlulah saya tegaskan di sini bahawa promosi ataupun pengiklanan barangan tempatan mahupun luar negeri tidak seharusnya mengeksploitasikan kaum wanita dengan menjadikan wanita sebagai alat pengiklanan yang dapat kita saksikan sendiri di kaca TV, media-media cetak ataupun papan-papan tanda di tepian jalan kerana ia akan menjatuh atau menghina martabat dan maruah wanita. Pada hakikatnya Islam meletakkan kaum wanita di tempat yang tinggi sebagai pendidik dan pembimbing ummah. Sehubungan itu saya merayu dan memohon kerjasama daripada pihak yang berkenaan supaya Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan Kementerian Penerangan agar membatalkan dan tidak mengeluarkan permit kepada syarikat-syarikat pengiklanan yang menggunakan wanita sebagai alat untuk melariskan barangan.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita merupakan sebuah negara yang diyakini dan dihormati oleh negara-negara umat Islam yang lain. Sehubungan dengan itu saya ingin mencadangkan agar pihak kerajaan mempertingkatkan usaha menjalin kerjasama dan hubungan yang lebih rapat, walaupun sekarang sudah ada hubungan tetapi lebih rapat dengan negara-negara umat Islam di dunia ini. Saya yakin kita mempunyai potensi untuk memimpin dan menerajui serta membimbing ke arah kesatuan ummah di seluruh dunia khususnya negara-negara ASEAN. Saya berkeyakinan penuh, insya-Allah, sekiranya negara kita mengamalkan ekonomi Islam secara menyeluruh dalam semua aktiviti ekonomi, maka negara umat Islam yang lain akan memberi sokongan yang tidak berbelah bahagi kepada negara kita dan seterusnya akan membantu menggalakkan negara umat Islam yang lain, ada di antara mereka yang kaya raya untuk melabur dalam negara kita dan seterusnya ianya dapat membantu memulihkan ekonomi negara yang sedang menghadapi kegawatan di mana kita semua merasai kesannya dan ini

merupakan suatu ujian kepada kita. Firman Allah, dengan izin, Bismillahir-Rahmanir-Rahim [*membaca sepotong ayat Al-Quran*], yang bermaksud “*Sesungguhnya pasti kamu akan diuji dengan sedikit ketakutan dan kelaparan, kekurangan harta benda, nyawa serta bahan-bahan makanan, buah-buahan dan berilah khabar gembira kepada orang-orang yang sabar*”.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan ledakan wahyu yang diperdengarkan sebentar tadi jelaslah menunjukkan kepada kita bahawa Allah S.W.T. terlebih dahulu memberi peringatan kepada kita semua untuk menghadapi masalah dan ujian yang mendatang dengan penuh kesabaran dan ketakwaan kepada Allah S.W.T., agar kita semua akan menja di umat Islam yang sentiasa bersyukur dengan nikmat-nikmat Allah S.W.T. yang tiada tandingan nilainya. [*Membaca sepotong Hadis dalam bahasa Arab*], bermaksud “*Islam itu tinggi dan tidak ada yang lebih tinggi darinya.*”

Akhir kata, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, dan seterusnya merakam penghargaan ucapan terima kasih di atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Datin Hajah Wan Intan.

6.01 ptg.

Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih serta menyokong Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di dalam Mesyuarat Pertama, Penggal Keempat, Parlimen Kesembilan baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya begitu tertarik sekali dengan pandangan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim Ali, juga Dato’ Haji Mohd. Zuki kerana menyedarkan kita semua tentang masih wujud lagi rakyat Malaysia yang masih mengutamakan barangan import untuk bermegah-megah dan rasa bangga dengan barangan tersebut. Mereka ini sama ada pegawai kerajaan ataupun tokoh-tokoh korporat. Pada hemat saya mereka sengaja berbuat demikian kerana tidak beri keutamaan kepada kepentingan negara. Mereka ini sanggup melihat berjuta ringgit wang negara mengalir keluar dari negara ini. Oleh kerana itu, tidak hairanlah adanya rakyat negara ini yang sanggup mengeluarkan wang mereka daripada bank-bank tempatan untuk disimpan di dalam bank luar negara apabila berlaku kegawatan ekonomi.

Sebagai persediaan awal untuk masa-masa akan datang saya syorkan Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan menggubal undang-undang supaya kerajaan dapat mengambil sesuatu langkah bagi menghadkan amount, dengan izin, wang yang boleh disimpan oleh rakyat Malaysia di bank-bank luar negara. Mereka yang bertindak menyimpan wang di luar negara jangan sampai kata orang ibarat ‘kacang lupakan kulit.’ Di negara Malaysia mereka menumpang tuah mengumpul kekayaan, tetapi bila semua sudah dapat dan berlaku sedikit kegawatan mereka terus lupa tentang negara Malaysia walaupun undang-undang yang akan digubal nanti tidak seketat undang-undang di USA atau UK. Saya berharap

Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan mesti membuat sesuatu supaya perkara ini tidak berlaku lagi pada masa tujuh atau lapan tahun akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang pembangunan Koridor Raya Multimedia yang bermatlamat membina masyarakat yang bermaklumat, saya rasa begitu kagum dan terpesona dengan kemajuan yang telah dicapai. Setakat ini setiap minggu dan bulan ada sahaja upacara menandatangani MoU antara syarikat tempatan dan luar negara. Saya ingin mendapat penjelasan lanjut daripada Yang Berhormat Datuk Leo Moggie, Menteri Tenaga, Telekom dan Pos mengenai bilangan syarikat bumiputera dan bukan bumiputera yang telah menandatangani MoU dengan syarikat luar negara yang berhubung kait dengan pembangunan Koridor Raya Multimedia ini. Saya rasa bimbang bila projek ini terlaksana sepenuhnya nanti pemilik projek ini bukan oleh syarikat tempatan, tetapi dimonopoli oleh syarikat gergasi dari luar, dan paling saya takut sekali syarikat bumiputera jauh tercicir ke belakang dalam pembangunan Koridor Raya Multimedia ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai bekas pejawat Jabatan Perkhidmatan Awam atau dengan perkataan sebagai seorang pencen, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada kerajaan dan juga kepada MAS kerana sudi mengurangkan tambang kapal terbang untuk pesara sebanyak 25%. Bagaimanapun, kadangkala kami pesara-pesara berasa terkilang juga kerana terpaksa menunggu giliran, queue, dengan izin, untuk naik kapal terbang. Biasanya kami tidak naik kapal terbang jika tidak ada urusan penting, seperti kematian kaum keluarga dan sebagainya. Dengan sebab itu, saya bagi pihak pesara-pesara yang lebih uzur daripada saya ini memohon jasa baik Yang Berhormat Menteri Pengangkutan supaya memberi keutamaan kepada pesara-pesara daripada penumpang-penumpang yang lain yang sihat walafiat. Saya percaya pihak MAS akan mematuhi arahan yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat Menteri Pengangkutan. Begitu juga dengan KTMB. Cadangan ini saya pernah ingat ada saya bahaskan pada tiga tahun dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang izinkan saya memberi sedikit pandangan kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan, Dato' Seri Haji Mohd. Najib. Pada tahun lepas, 1997 Yang Berhormat Menteri telah pun mengeluarkan kenyataan tentang kenaikan pangkat secara time base, dengan izin, kepada guru-guru kita yang sudah berpuluh-puluh tahun berkhidmat, iaitu dari DG6 ke DG5 dan DG3 ke DG2. Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan sendiri telah memperuntukkan belanjawan untuk menaikkan pangkat ini. Sayangnya sudah masuk bulan Mei 1998 mereka yang diminta mengisi borang untuk kenaikan pangkat ini belum lagi menerima apa-apa jawapan. Pada 16 Mei 1998 yang baru lalu sempena perayaan Hari Guru 1998 Yang Amat Berhormat Dato' Seri Haji Mohd. Najib sekali lagi mengulangi isu dan perkara yang sama. Saya rasa takut dan bimbang yang guru-guru kita akan berasa bosan dan jemu dengan janji-janji yang diucapkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri dan akhirnya nanti mereka tidak akan memberi commitment, dengan izin, yang penuh terhadap pengajaran dan pembelajaran di kelas. Dengan itu, saya berharap Yang Berhormat Menteri hendaklah mengambil tindakan segera mengenai kenaikan pangkat guru-guru secara time base, dengan izin, seperti yang

diucapkan, kerana saya percaya Kabinet telah mempersetujuinya. Jika tidak, tentu sekali Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan tidak akan memasukkan di dalam belanjawan - kenaikan pangkat ini dalam Belanjawan 1998 seperti yang dibentangkan pada bulan Oktober 1997 yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi yang saya ingin syorkan kepada Yang Berhormat Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak ialah mengenai menghapuskan kuota kemasukan pelajar ke sekolah-sekolah berasrama penuh dengan ibu bapa atau penjaga yang berasal daripada sekolah-sekolah berkenaan. Pernah atau tidak pihak Kementerian Pendidikan membuat kajian terhadap peningkatan jumlah pelajar sekolah berasrama penuh mendapat Pangkat Satu atau First Gred, dengan izin?

Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak kerana keputusan SPM 1997, bilangan calon yang mendapat Pangkat Satu lebih ramai daripada calon yang mendapat Pangkat Dua atau Tiga tetapi sayangnya, tidak semua sekolah berasrama penuh mendapat Pangkat Satu. Jika kuota ini tidak dihapuskan sama sekali saya bimbang lebih ramai pelajar-pelajar yang lebih pintar dari luar bandar tidak dapat memasuki sekolah berasrama. Saya juga berharap Yang Berhormat Menteri Pendidikan supaya rajin-rajin bertanyakan Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar di universiti-universiti tentang siswa-siswi yang melaram dengan kereta di kampus dengan izin, mereka ini anak orang berada mungkin bapanya seorang ahli perniagaan tetapi kerana pandainya mengisi borang biasiswa mereka dapat biasiswa JPA. Sehingga bagi siswa-siswi yang jujur, bapanya baru bergaji RM2,000 mengisi borang dengan betul, tepat dan jujur tidak dapat biasiswa.

Saya mohon dan berharap Yang Berhormat Menteri Pendidikan menarik balik biasiswa yang diberikan kepada siswa-siswi yang diketahui ibu bapanya memang 'loaded', dengan izin. Jika tidak bagaimana boleh membawa BMW ke kampus masing-masing. Selain daripada itu saya rasa Tuan Yang di-Pertua, ramai lagi rakan-rakan saya yang ingin berucap. Saya mengucapkan ribuan terima kasih. Itu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Haji Gapar bin Gurrohu.

6.13 ptg.

Tuan Haji Gapar bin Gurrohu: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Pertama saya ingin merakamkan terima kasih kepada Jabatan Pengajian Tinggi di Kementerian Pendidikan yang baru-baru ini telah memperkenalkan UPU Infoline untuk kemudahan hampir 160,000 pemohon-pemohon untuk masuk ke institusi pengajian tinggi dalam negara kita. Semasa UPU Infoline ini diperkenalkan kita semua rasa lega apatah lagi anak-anak kita, pelajar-pelajar lulusan SPM dan SPVM dan juga STP dan juga para ibu bapa mereka rasa lega. Kita semua mengalu-alukan kerjasama Kementerian Pendidikan dengan Telekom Malaysia yang membolehkan UPU Infoline ini wujud. Tetapi kemudahan yang dirancang nampaknya kesusahan yang terjelma. Sistem UPU Infoline ini dikatakan menghadapi masalah teknikal. Kesilapan mungkin kecil tetapi membawa implikasi yang cukup besar dan hampir sama gawatnya dengan ekonomi negara sekarang ini.

UPU Infoline ini yang saya sebutkan kegawatannya, sebagai contoh, bayangkanlah betapa kecewanya pelajar dan ibu bapa apabila setelah belajar bertungkus-lumus, dapat keputusan yang begitu cemerlang, menerima tahniah di sana-sini khususnya daripada keluarga dan rakan taulan. Kemudian mengisi borang, jawapan yang didapati daripada infoline ini ialah tidak ada tempat di mana-mana universiti pun. Ini adalah kisah benar yang dilaporkan dalam akhbar kita baru-baru ini. Berlakunya ialah kepada salah seorang pelajar di Sekolah Menengah Sains, Muar. Oleh kerana kesilapan teknikal ini ramai pelajar dan ibu bapa yang kecewa, bersusah payah, berkejar dan membanjiri Pusat UPU. Bayangkan ada yang datang dari Sabah, Sarawak, Perlis, Kedah, Johor, Kelantan dan Terengganu dan mereka ini bukan semuanya orang senang dan berduit. Ada di antara mereka yang tidak mempunyai saudara-mara di Kuala Lumpur ini tetapi terpaksa datang

kerana mereka langsung tidak menyangka bahawa mereka tidak dapat masuk ke institusi pengajian tinggi walaupun mempunyai keputusan yang begitu cemerlang.

Sepatutnya dalam masalah ini Jabatan Pengajian Tinggi dan Telekom Malaysia telah dapat memahami infoline yang melibatkan orang ramai khususnya penggunaan oleh begitu ramai anak-anak yang ingin masuk ke universiti yang dikatakan hampir 160,000 orang. Mereka perlu elakkan segala kesilapan dan ketidakselesaian. Oleh kerana perkhidmatan yang diberikan ini setahun sekali dan kita berharap perkara ini tidak berulang pada tahun hadapan. Agar kata orang tua-tua 'tidaklah pisang berbuah dua kali'. Kesilapan kali pertama boleh kita maafkan tetapi jika kesilapan demi kesilapan diulang lagi ia boleh menjejaskan keyakinan orang ramai terhadap IPT itu sendiri khususnya Jabatan Pangajian Tinggi di Kementerian Pendidikan.

Isu kedua yang saya hendak bawa dalam Dewan yang mulia ini ialah masalah maruah negara kita. Kenyataan akhbar Ketua Polis Trafik Johor Bharu baru-baru ini di mana, kita telah dikejutkan dengan kenyataannya apabila memberitahu sebanyak 7,000 saman yang dikeluarkan kepada pemandu-pemandu Singapura yang menggunakan lebuh raya kita. Daripada 7,000 saman yang dikeluarkan cuma 10% sahaja daripada mereka yang membayar saman dan 40% daripada kesalahan ialah kerana laju dan mereka ini pandu antara 150 kilometer hingga 190 kilometer sejam. Bayangkan di negara mereka sendiri 'speed limit'nya paling tinggi ialah 80 kilometer sejam. Jadi nampaknya mereka apabila masuk ke Malaysia mereka menjadikan lebuh raya kita gelanggang perlumbaan dan nampaknya mereka ini mempersenda-sendakan undang-undang kita apabila kenyataan yang diberi hanya 10% sahaja yang membayar saman. Soalnya kenapakah rakyat asing yang begitu berani melanggar undang-undang negara kita terlepas dengan begitu sahaja. Dalam kes ini kita nampak mereka berani kerana tindakan atau saman ini tidak mempunyai apa-apa kesan. Buktinya 90% tidak bayar. Kita hairan dan campur pelik jika rakyat kita kena saman kita kena bayar. Kalau tidak bayar akhirnya bila kita hendak memperbaharui cukai jalan tidak dibenarkan kecuali kita jelaskan

saman kita dahulu. Nampaknya ada kerjasama antara polis dan JPJ dalam hal rakyat kita.

Soal pertama, apakah gunanya komputer di pintu masuk di tambak Johor dan kini di Laluan Kedua atau di Linkedua di Gelang Patah? Tidakkah ada kerjasama di antara polis dan kastam dalam perkara saman yang dikeluarkan terhadap rakyat Singapura ini? Kalau sekiranya tidak pun mereka keluar tentunya ada kerjasama Interpol antara Polis Diraja Malaysia dan Polis Singapura. Saya percaya atas kelemahan inilah menyebabkan kenderaan negara asing lari seperti ribut di jalan raya kita sendiri dan kita melihat sahaja. Ini saya rasa menjejaskan maruah polis dan maruah negara sendiri. Sesuatu perlu dibuat untuk menangani perkara ini.

Perkara yang ketiga, pada petang ini saya ingin menyentuh tentang krisis air dan nasib sungai-sungai kita. Telah banyak sebelum ini orang perkatakan tentang tanah, tanah sebagai sumber ekonomi, tanah sebagai nilai, tanah nilainya di bandar dikira dengan kaki persegi. Negara kita air sepatutnya tidak menjadi masalah, kita banyak sungai, banyak tasik, air hujan turun sepanjang tahun. Bersyukur kita kehadiran Allah s.w.t. atas kurniaan nikmat yang begitu besar kepada kita. Sungguhpun kita ada Jabatan Bekalan Air, Jabatan ini akan bekal air selagi air masih ada, kalau air tidak ada mereka pun tidak tahu hendak buat apa. Inilah yang sedang berlaku sekarang ini. Kita ada Jabatan Parit dan Saliran, Parit dan Taliair, sungai dan parit mereka jaga tetapi sekarang sungai sudah mula tercemar, sungai kita sudah penuh dengan sampah sarap, pokok-pokok tumbang, sungai kita sudah ada bahan kimia sebab itu kita takut hendak minum air paip, kita minum air mineral untuk keselamatan diri walaupun mahal harganya.

Kini sungai-sungai kita sudah kering, tidak dapat bekalkan air di kawasan takungan kerana kawasan hutan tadahan telah menjadi kawasan rebutan pembalakan. Kini kerajaan telah pandang serius perkara ini dan Majlis Air Negara baru sahaja ditubuhkan dan kita berharap Majlis Air Negara dapat membantu meringankan masalah ini dengan adanya kerjasama dengan kerajaan negeri-negeri.

Jabatan Parit dan Taliair kita minta mengawasi sungai-sungai kita lebih ketat lagi dengan pencemaran bahan-bahan kimia. Satu demi satu sungai kita dilepaskan racun oleh pihak-pihak kilang. Kelmarin berita di Sungai Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin [Muar];, semalam di Sungai Gombak di Selangor diberitakan lebih 9 tan anak-anak ikan menjadi korban tindakan melepaskan racun di sungai. Tahun lepas kejadian yang sama berlaku di Sungai Semberong, Kluang, Johor. Oleh itu kita meminta Kementerian Sains dan Teknologi mengambil berat tentang masalah ini kerana ianya sudah mengatasi tahap kesabaran kita, ianya sudah melampau.

Ketika kita berkata dan bercakap masalah kekurangan makanan ataupun terpaksa mengimport makanan dari luar pada masa yang sama kita racun ikan-ikan kita di sungai. Kita ada undang-undang tetapi nampaknya penguasaan yang cukup lemah dalam masalah ini. Saya rasa banyak masalah yang telah dibincangkan oleh rakan-rakan saya di Dewan yang mulia ini, satu perkara yang perlu kita ingat pesan orang tua-tua 'ingat sebelum kena, berjimat sebelum habis' 'cegah sebelum parah' dan ia juga mengingatkan kita 'jangan sampai pisang berbuah dua kali' tetapi zaman sains teknologi ini pisang dah banyak berbuah bukan sahaja dua kali, tiga, empat kali. Dipesankan juga 'jangan terhantuk baru nak tengadah'. Sekarang ini bukan terhantuk, dah benjol pun belum tangadah lagi. Saya rasa inilah di antara sikap-sikap yang harus kita perbetulkan, kalau kita mahu mencapai apa yang diilhamkan oleh Perdana Menteri yang kita kasihi, wawasan 2020. Jangan ke langit kita menengadah tetapi kita lupa pada bumi yang kita pihak. Akhirnya itu sahaja dan saya menjunjung kasih atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Ramai Ahli: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Puan Mastika Junaidah binti Husin.

Puan Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk turut membahaskan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Jaafar Ibni

Almarhum Tuanku Abdul Rahman semasa pembukaan Parlimen, Mesyuarat Pertama Penggal Keempat Parlimen Kesembilan pada 23 Mac yang lalu. Titah ucapan Seri Paduka Baginda amat bermakna, merangkumi semua aspek serta meniupkan semangat juang yang tinggi kepada rakyat Malaysia agar terus menghadapi segala cabaran dengan penuh sabar, berusaha memulihkan suasana dan mengatur langkah-langkah bijak menyelamatkan masa depan negara.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya meneruskan ucapan saya, saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk merafak sembah, menjunjung kasih kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah berkenan untuk melantik Semula saya menduduki kerusi Ahli Dewan Negara bagi penggal kedua. Saya juga ingin untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad yang telah mencalonkan saya sebagai Ahli Dewan Negara bagi penggal kedua ini. Saya juga tidak lupa untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Sahidan Kasim, Menteri Besar Perlis dan Yang Berhormat Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, Ketua Wanita UMNO Malaysia yang telah memberi sokongan kepada pelantikan saya serta juga terima kasih kepada rakan-rakan yang lain yang memberi sokongan di penggal akhir saya di sini dan saya hadiahkan sebuah pantun kepada Dato' Ibrahim 'pulau pandan jauh ke tengah, gunung daik bercabang tiga, hancur badan di kandung tanah, budi yang baik dikenang juga' [Ketawa] [Tepuk].

Tuan Yang di-Pertua, sejak kegawatan ekonomi melanda negara-negara Asia akibat dari kejatuhan nilai mata wang kestabilan negara serantau telah mula tergugat. Kesan dari kejatuhan mata wang secara langsungnya dirasai oleh sektor ekonomi dan tempiasnya melanda sosio politik banyak negara-negara di Asia. Keadaan yang berlaku di negara sekitar menuntut kita lebih berhati-hati dan perlu bertindak bijak dan tepat bagi memastikan kedaulatan, kestabilan dan keamanan serta kemakmuran negara dapat dipertahankan. Keprihatinan kita lebih dituntut lagi dengan adanya faktor-faktor tekanan dari luar kawalan seperti cuaca El-Nino

yang sedang melanda dunia dan sikap 'brutal' negara seperti India dan juga sikap cemas negara jiran seperti Pakistan dan dalam isu-isu nuklear yang sedang memeningkan kepala seluruh kepimpinan dunia.

Tuan Yang di-Pertua, rusuhan yang berlaku di Jakarta dan di bandar-bandar lain di Indonesia tercetus kerana rakyat tidak lagi merasa mereka terbela. Sokongan tabung IMF jelas telah gagal membantu Indonesia memulihkan ekonomi sebaliknya membawa keroskan dan rusuhan yang besar. Kita rakyat Malaysia patut bersyukur kerana kerajaan Barisan Nasional menghadapi krisis ini dengan bijaksana. Sikap kerajaan yang telah menguruskan sistem ekonomi dengan baik telah menyediakan suasana ekonomi yang sungguh memberangsang, lapan tahun yang lalu berturut-turut, sebelum kita menghadapi kejatuhan mata wang. Kerajaan juga telah mengamalkan belanja berhemat walaupun semasa kita senang. Hutang luar negara telah dibayar mengikut jadual malah ada yang dibayar lebih awal. Imbangan bayaran kita walaupun pernah suatu ketika menghadapi deposit tetapi kita telah pun berusaha dan telah pun dapat mengatasinya semungkin yang dapat.

Tuan Yang di-Pertua, setelah hampir setahun kita berhadapan dengan krisis ini, kita bersyukur kerana kita masih dapat bertahan walaupun keadaan ekonomi tidak sebaik di tahun-tahun sebelumnya. Saya berpendapat ada lima faktor utama yang menjadi asas kepada kekuatan negara.

1. **Kepimpinan (leadership)**

Kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad dan barisan kabinetnya telah membuktikan pencapaian yang cemerlang yang telah berjalan di atas landasan tradisi membela rakyat. Ramai di antara rakan-rakan di Dewan ini telah menghuraikan hujah ini dengan panjang lebar. Saya tidak berhajat untuk memperincikan kenyataan ini kerana ia jelas terbukti.

Tuan Yang di-Pertua, sejarah telah membuktikan bahawa untuk menjamin keutuhan, ketahanan dan kekuatan sesuatu bangsa, barisan pemimpinnnya perlu merapatkan barisan mengukuhkan setiakawan, menguatkan perpaduan, ketelusan dan keikhlasan. Melaka jatuh ke tangan Portugis pada kurun yang ke-15 kerana

oportunis Si Ketol dan juga pembesar-pembesar istana. British menguasai Tanah Melayu melalui perpecahan raja-raja Melayu dan juga melalui dasar pecah dan perintah sehingga negara hampir tergadai 100 peratus di tangan Inggeris jika Malayan Union berjaya dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, jam sudah cukup, sambung besok ya.

Puan Mastika Junaidah binti Husin: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, majlis mesyuarat ditangguhkan kepada besok hari pada jam 2.30 petang

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.37 petang.